

Doktor pakar Hospital
KKB ditambah

5

Laluan Batang Kali
dibuka 1 Julai

8

Murid nikmati subsidi
bas RM1 juta

8

Peniaga dapat bantuan
alatan niaga

8

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 2 - 8 MEI 2024

www.selangorkini.my

Salur insentif haji untuk 6,000 jemaah

Bernilai RM500 seorang, insentif tersebut hasil peruntukan RM3 juta bagi tahun ini. Jumlah dana dan bilangan penerima meningkat sekali ganda berbanding tahun lepas. Permohonan dibuka mulai 6 Mei

MUKA 2

Selangor basmi miskin tegar menjelang Julai

Hanya 861 orang tergolong miskin tegar pada Januari lalu berbanding 8,000 individu dalam tempoh sama tahun lepas. Sebanyak lapan daerah catat penurunan ketara manakala Sepang rekod angka sifar

MUKA 7



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj meneliti cek cura Insentif Haji Muassasah bernilai RM3 juta yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato'Seri Amirudin Shari kepada Lembaga Tabung Haji di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam pada 28 April 2024. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN ▶ BERITA MUKA 2



4th SELANGOR
INVESTMENT &
INDUSTRIAL PARK
EXPO
SPARK 2024

25-27 JULAI 2024

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)



**DAFTAR
SEKARANG!**

www.selangorsummit.com | f @ x selangorsummit



**EKSPLO PELABURAN DAN TAMAN
INDUSTRI SELANGOR 2024**

Dihoskan oleh



Dianjurkan oleh



Dianjurkan bersama



Program anjuran



Sultan Selangor ke majlis tahlil TLDM

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan berangkat ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak bagi menghadiri Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Khutbah Khas sempena sambutan Hari TLDM ke-90 pada 26 April.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang juga Kepten Yang Dipertua TLDM disambut Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Panglima TLDM Laksamana Tan Sri Abdul Rahman Ayob, lapor Bernama.

Majlis yang diadakan di Masjid An-Nur TLDM itu sempena memperingati 10 mangsa tragedi nahas Helikopter Operasi Maritim (HOM-AW139) dan Fennec TLDM yang terhempas pada 23 April.

Bacaan yasin dan tahlil diketuai Pengarah Agama Markas Tentera Laut Leftenan Kolonel Ahmad Kamil Abdullah disertai kira-kira 3,000 warga TLDM. Baginda turut berkenan menunaikan solat Jumaat di masjid tersebut.

Belanja RM1.2 juta taja 36 jemaah

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri membelanjakan sebanyak RM1.2 juta bagi membiayai kos perjalanan 36 jemaah menunaikan haji secara percuma tahun ini.

Dato' Menteri Besar menjelaskan jemaah berkenaan dipilih dalam kalangan keluarga memerlukan dan menerima bantuan skim Permohonan Insentif Haji Muassasah.

"Semoga para bakal dhuyufurrahman diberikan kemudahan menunaikan ibadah dan diberi haji yang mabrur, Insya-Allah," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook pada 29 April.

Kerajaan Negeri turut meneruskan skim Permohonan Insentif Haji Muassasah dengan peruntukan RM3 juta tahun ini, meningkat RM1.5 juta berbanding tahun lalu.

Selain wang tunai, jemaah turut menerima kit syifa seperti ubat-ubatan, cecair pembasmi kuman, losyen dan pelembap bibir.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Titah kekal disiplin sepanjang ibadah

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mengingatkan jemaah haji supaya berdisiplin sepanjang menunaikan ibadah di tanah suci.

Baginda berharap mereka memberi perhatian penuh kepada ibadah selain menjaga nama baik negeri dan negara termasuk tidak terlibat dalam sebarang bantahan atau demonstrasi.

"Beta dimaklum bahawa jemaah haji Malaysia termasuk dari Selangor antara jemaah yang berdisiplin dan patuh kepada peraturan ditentukan oleh kera-

jaan Arab Saudi.

"Bersabarlah atas segala kepayahan dan dugaan yang mungkin dilalui ketika berada di Padang Arafah, Muzdalifah dan Mina," titah Baginda pada 28 April.

Sempena Kursus Perdana Haji peringkat negeri, Sultan Sharafuddin menyeru jemaah supaya berganding bahu, tolong-menolong dan hormat-menghormati antara satu sama lain.

Baginda bertitah mereka perlu menjaga kesihatan dan segera ke klinik Tabung Haji di Makkah atau Madinah

untuk mendapatkan rawatan jika ada sebarang masalah.

Mengucapkan selamat menunaikan ibadah, Sultan Selangor mengingatkan jemaah supaya tidak menyebarkan berita tidak tepat di media sosial berkaitan kekurangan atau kelemahan Lembaga Tabung Haji.

"Sekiranya jemaah menghadapi masalah atau tidak mendapat kepastian mengenai sesuatu perkara, ia hendaklah dirujuk dan berbincang dengan baik melalui saluran betul," titah Baginda.

Kadar insentif naik sekali ganda

Dana RM3 juta buat 6,000 jemaah haji

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Seramai 6,000 jemaah bakal menerima Insentif Haji Muassasah bernilai RM500 seorang pada tahun ini melalui peruntukan RM3 juta yang disediakan Kerajaan Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu bilangan penerima dan nilai dana yang diperuntuk bagi tahun ini meningkat sekali ganda berbanding tahun lalu.

Beliau juga menjelaskan seramai 3,000 jemaah menerima sumbangan berkenaan pada 2022 manaka-

la 3,000 lagi pada tahun lepas sejak inisiatif tersebut diperkenalkan pentadbiran negeri.

"Insentif ini dilaksanakan melalui kerjasama pusat khidmat masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN), Pejabat Penyelaras DUN dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)," katanya pada 29 April.

Bakal jemaah boleh membuat permohonan mulai 6 Mei hingga 23 Ogos dengan membawa salinan bercetak jadual penerbangan haji muassasah 2004 dengan paparan kod muas.

"Saya berharap usaha ini dapat memudahkan urusan perjalanan bagi para jemaah yang bakal meraikan

dhuyufurrahman pada tahun ini," katanya dalam kenyataan.

Dalam program Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat parlimen Gombak, Amirudin berkata Selangor negeri paling ramai jemaah haji yang terpilih pada tahun ini iaitu kira-kira 8,000 orang.

Mengikuti pembentangan Belanjawan Selangor 2024, peruntukan RM3 juta disediakan untuk Insentif Haji Muassasah, meningkat RM1.5 juta berbanding tahun lalu.

Selain wang tunai, jemaah menerima kit syifa seperti ubat-ubatan, cecair pembasmi kuman, losyen dan pelembap bibir.

31,600 sertai kursus perdana

SHAH ALAM - Seramai 31,600 jemaah mengikuti Kursus Perdana Haji Musim 1445H/2024M anjuran Lembaga Tabung Haji, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Menjelaskan ia persiapan terakhir sebelum ke tanah suci, Dato' Setia Dr Mohd Naim Mokhtar berkata kursus dua hari satu malam secara berperingkat itu bermula 20 April hingga 5 Mei.

Katanya, kursus tersebut menzahirkan suasana sebenar di Makkah sekali gus melatih bakal jemaah bersedia berdepan situasi mencabar berikutan hampir tiga juta orang datang dari serata dunia.

"Alhamdulillah, setiap tahun Tabung Haji mendapati bakal haji yang menghadiri kursus lebih bersedia dan lebih mudah menyesuaikan diri semasa di tanah suci," katanya pada 28 April.

Beliau memberitahu kursus asas, intensif diikuti kursus perdana dibuat selain mempergiat inisiatif pendigitalan dengan memperluas khidmat dalam talian bagi kemudahan jemaah haji.

Menurut Dr Mohd Naim, tiga inisiatif pendigitalan antaranya aplikasi THhujjaj, e-Bimbingan dan e-TAIB dilancar bagi memudahkan jemaah mendapat maklumat terkini sepanjang di Makkah.

Meterai MoU dengan syarikat Jerman

HULU SELANGOR - Beberapa anak syarikat Kerajaan Selangor termasuk Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat teknologi di Jerman.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata MoU itu ditandatangani dengan Siemens, KNX dan Mendix

dalam kunjungan ke Jerman baru-baru ini bagi menyertai program Hannover Messe.

"Ini semua memberi peluang untuk meningkatkan sumber manusia dalam negeri di samping menambah pelaburan bernilai tinggi dan membawa peluang pekerjaan kepada semua rakyat," katanya.

Beliau berucap demikian dalam program Rih Raya Kita Selangor di sini yang disertai kira-kira 30,000 penduduk Kuala Kubu Bharu di sini pada 27 April.

Amirudin juga berkata Selangor terbuka untuk menjadi 'rumah' dan 'payung' kepada semua rakyat Malaysia yang berhijrah ke negeri itu atas semangat kebersamaan serta perpaduan.

Sejak dianjurkan buat pertama kali pada tahun 1886, Hari Pekerja kini disambut di lebih 80 negara di seluruh dunia. Di beberapa negara, tarikh 1 Mei dikenali sebagai Hari Pekerja ataupun 'Workers Day', manakala ada negara yang memberikan cuti umum pada 1 Mei bagi Hari Buruh ataupun 'Labour Day'.

Sempena Hari Pekerja tahun ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, telah mengumumkan dasar baharu Kerajaan Persekutuan bagi gaji penjawat awam.

Pertama, gaji penjawat awam akan ditingkatkan sebanyak lebih 13 peratus bermula 1 Disember tahun ini.

Dan gaji serta elaun tetap penjawat awam sedia ada yang berjumlah minima RM1,795 sebulan akan ditingkatkan melebihi RM2,000 sebulan.

Sudah pasti ini merupakan berita baik buat para penjawat awam di seluruh negara yang melihat amaun kenaikan gaji keseluruhan antara yang paling tinggi meliputi peruntukan RM10 billion dari pihak kerajaan.

Waima demikian, kenaikan ini tidak harus dilihat sebagai satu sagu hati ataupun ganjaran tetapi pengukuhan dan peningkatan amanah daripada pimpinan negara kepada semua penjawat awam.

Ini berbeza dengan bonus yang diberikan pada musim perayaan bagi meringankan beban kewangan serta bagi membolehkan para penjawat awam untuk menyambut perayaan dengan keadaan lebih senang bersama keluarga tersayang.

Peningkatan gaji merupakan dasar kerajaan, dan ini sewajarnya disambut dengan peningkatan ikhtiar dan prestasi kerana akhirnya, kita semua – pemimpin kerajaan dan penjawat awam – merupakan pasukan besar yang berkhidmat untuk rakyat.

Bermula daripada menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat serta rintihan mereka, terus kepada usaha memandangi dan merancang ke hadapan bagi membuat persediaan supaya negeri-negeri dan negara kita bersama-sama dalam mencapai hasrat menjadi antara 30 ekonomi terbesar menjelang tahun 2030.

Pada masa yang sama, peningkatan gaji ini tidak seharusnya terhenti pada peringkat sektor awam tetapi seelok-eloknya disambut di peringkat swasta supaya seluruh komuniti pekerja di Malaysia – awam dan swasta – dapat hidup dengan lebih bermaruah dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi tempatan, terutamanya syarikat-syarikat kecil dan sederhana di Malaysia.

Malaysia mampu menjadi negara yang mempunyai gaji median paling tinggi di rantau ini dan tarikh 1

Perutusan Dato' Menteri Besar

Tingkat sara hidup, prasarana awam

Mei harus menjadi peringatan dan pedoman bahawa kita mampu menjuarai pertarungan ke arah gaji median paling tinggi dan mengelakkan persaingan 'race to the bottom' (semakin merosot) yang hanya akan menyebabkan rakyat kita dibayar gaji rendah yang tidak berpatutan.

Itu yang membezakan kelompok yang hanya suka mencari masalah dengan kumpulan yang mempunyai ikhtiar mencari solusi.

Kita semua tahu bahawa harga barang secara amnya meningkat disebabkan perkembangan hidup dan teknologi. Namun ini bukan unik kepada Malaysia.

Negara-negara maju seluruh dunia mengalami kenaikan harga barang disebabkan permintaan barang yang meningkat, terutamanya pascapandemik Covid-19 yang menyebabkan rangkaian bekalan barangan utama terkesan.

Hanya dengan peningkatan gaji dapat kita memberikan kehidupan yang bermaruah kepada rakyat kita, terutamanya bagi memastikan aspek kehidupan harian seperti makanan, perumahan, pengangkutan, dan pendidikan terus dimanfaatkan oleh semua.

Meskipun begitu, tindakan penting yang bersejarah ini seharusnya dipadankan dengan komimen yang lebih tinggi dalam kalangan penjawat awam supaya betul-betul memahami bahawa kita semua bekerja sebagai satu pasukan iaitu Pasukan Malaysia.

Semangat Kita Selangor

Itu semangat dan fahaman yang saya cuba semaikan di Selangor melalui Gagasan Kita Selangor yang membawa maksud bahawa meskipun kita berbeza dari segi etnik warna kulit, budaya, serta fahaman agama, tetapi kita semua rakyat Selangor yang hidup dan bekerja di negeri yang paling maju di Malaysia.

Komitmen dan sikap menerima realiti harus kita utamakan supaya tidak menjadi mangsa kepada sesiapa yang ingin memecahbelahkan rakyat hanya untuk memenuhi nafsu segelintir pihak yang seronok melihat masyarakat dan negara kita kucar-kacir dan dipenuhi perasaan syak wasangka antara satu sama lain.

Dalam beberapa minggu yang lalu, saya telah turun ke kawasan Kuala Kubu Bharu dan mendengar kebersamaan dan semangat kekitaan adalah



apa yang rakyat mahukan.

Setelah sahabat saya, mendiang Lee Kee Hiong meninggal dunia pada bulan Mac yang lalu, pelbagai mesej yang disampaikan daripada rakyat bahawa meskipun mereka berlainan agama dan etnik berbanding wanita yang telah mewakili mereka sejak tahun 2013, mereka amat senang melihat usaha, produktiviti, komitmen, dan ketekunan yang dibawa oleh mendiang.

Apabila Projek Selangor Penyayang dilancarkan dua tahun lalu, mendiang YB Lee Kee Hiong telah bertemu dan memohon daripada Kerajaan Negeri kerana beliau ingin mengutamakan pembangunan infrastruktur tempatan bagi kemaslahatan rakyat.

Contohnya, pembinaan Masjid Kampung Melayu di Rasa, Hulu Selangor, pelebaran Jambatan Sungai Batang Kali, pembinaan wakaf di tanah perkuburan India di Kerling, serta penaiktarafan Pasar Awam Kuala Kubu Bharu.

Kesemua ini hanya dapat dicapai kerana rakyat memilih wakil yang benar-benar mampu mewakili mereka serta individu yang mampu memberi komitmen untuk membela semua tanpa mengira agama ataupun bangsa.

Saya amat terkesan dengan pemerhatian mendiang Lee Kee Hiong kerana

bukan sahaja hilang seorang sahabat, tetapi warga Kuala Kubu Bharu hilang seorang yang telah berkhidmat selama lebih 11 tahun. Namun dalam setiap peristiwa sudah pasti terdapat kesudahannya.

Itu yang menyebabkan proses pilihan raya kecil Kuala Kubu Bharu amat penting supaya orang KKB dapat memilih wakil rakyat yang dapat meneruskan usaha, komitmen, dan legasi mendiang Lee Kee Hiong supaya kawasan Kuala Kubu Bharu kekal sebagai wilayah perpaduan yang mencerminkan negeri Selangor sebagai negeri yang rencam, negeri yang memelihara kepentingan semua kaum dan agama di negeri Selangor.

Dalam senarai calon yang menawarkan khidmat mereka, saya berpandangan bahawa warga KKB mempunyai pilihan penting tetapi mudah, kerana Puan Pang Sock Tao yang merupakan calon Kerajaan Perpaduan Negeri Selangor adalah calon paling tepat untuk meneruskan khidmat kepada orang KKB.

11 Mei 2024, ayuh kita pastikan Kekal Kuala Kubu, terus bersama Harapan dan Perpaduan.

Dato' Seri Amirudin Shari
Dato' Menteri Besar Selangor

Guna pengalaman dua kementerian

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan bagi pilihan raya kecil Kuala Kubu Baharu (KKB) mahu menggunakan pengalaman berkhidmat dalam dua kementerian untuk memajukan Dewan Undangan Negeri itu.

Pang Sock Tao, 31, berkhidmat dalam Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam antara 2018 hingga 2020 sebelum bertugas di Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

"Saya akan dedikasikan semua pengalaman di dua kementerian untuk berkhidmat kepada rakyat seterusnya membawa pembaharuan dan kemajuan di KKB," katanya pada 24 April.

Pengumuman sebagai calon dibuat Setiausaha Agung DAP Anthony Loke dalam program yang dihadiri pimpinan parti komponen Pakatan Harapan termasuk Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Kempen calon dapat sambutan ramai

AMPANG JAYA - Kempen awal calon Kerajaan Perpaduan dalam pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu menerima sambutan baik dari pelbagai lapisan masyarakat.

Namun, Pengerusi Pakatan Harapan negeri Dato' Seri Amirudin Shari mengatakan seluruh jentera Kerajaan Perpaduan supaya tidak memandang rendah keupayaan pihak lawan.

"Saya akan pastikan setiap jentera dalam keadaan baik dan perancangan kempen pilihan raya kita juga dapat capai matlamat untuk menarik pengundi seramai dan sebaik mungkin," katanya.

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar memberitahu sokongan tersebut hasil momentum yang terbina sejak beberapa minggu lalu tetapi menyifatkan terlalu awal untuk menjangka keputusan.

Amirudin berkata demikian ketika mengulas perjalanan kempen pada hari kedua jentera Kerajaan Perpaduan pada 28 April.

Menurut daftar Pemilih Pilihan Raya bagi PRK Kuala Kubu Baharu, sebanyak 40,226 orang terdiri daripada 39,362 pengundi biasa, 625 anggota polis, 238 anggota tentera dan pasangan serta seorang pengundi tidak hadir luar negara.

Rumah terbuka bukan kempen politik

HULU SELANGOR - Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat Selangor di Kuala Kubu Baharu di sini tidak melanggar peruntukan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan tiada kempen politik dalam penganjuran tersebut, sebaliknya program berkenaan terbuka kepada penduduk Selangor, lapor Bernama.

Beliau memberitahu majlis seum-

pama itu dijalankan mengikut giliran dan dipilih berikutan daerah itu lokasi pertama program Rumpun Selangor yang dihadiri Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

"Sambutan Tahun Baharu Cina berlangsung di Dengkil, Sepang baru-baru ini, jadi mungkin sambutan merdeka kita boleh gilirkan (lokasi) untuk rapat dengan masyarakat," katanya.

Lebih 30,000 pengunjung pelbagai kaum memeriahkan rumah terbuka antara jam 8 sehingga 11 malam yang diserikan persembahan artis ternama termasuk Ella, Naim Daniel dan Ernie Zakri.

Selain mereka, program tersebut diwarnai persembahan Aiman Tino, Sarah Suhairi dan tarian artis Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.

Pembangking jangan berangan

Sokongan rakyat makin kukuh

Oleh **SOFIA NASIR**

HULU SELANGOR - Data menunjukkan Kerajaan Perpaduan di Selangor semakin kuat untuk terus mempertahankan kerusi Kuala Kubu Baharu (KKB) dalam pilihan raya kecil berkenaan pada 11 Mei.

Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) negeri berkata gabungan lima parti itu yang bertanding atas nama Kerajaan Perpaduan berupaya memastikan kestabilan, kemakmuran dan kemajuan negeri.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu angka berpandu kepada keputusan pilihan raya negeri pada Ogos lalu

mendapati Kerajaan Perpaduan terus menerima sokongan rakyat.

"Kali ini, Kerajaan Perpaduan datang (KKB) dengan lebih kuat. Sebab itu, kita tampil dengan rekod, rekod kita berbakti dan berkhidmat kepada rakyat tanpa memilih latar belakang.

"Saya hendak beritahu, (pembangking) jangan berangan lebih sangat. Ikut keputusan, kita rampas semula Parlimen Hulu Selangor," katanya dalam majlis pengumuman calon pada 24 April.

Dalam program yang dihadiri lebih 1,000 penyokong, Pang Sock Tao, 31, diisytihar sebagai calon Kerajaan Perpaduan yang mempertahankan kerusi yang

sebelum ini dimenangi Lee Kee Hiong.

Amirudin turut menitipkan penghargaan kepada parti komponen Kerajaan Perpaduan yang sedia mencairkan pendirian masing-masing demi mengekal kestabilan politik di negara ini.

"Semua pihak perlu bersatu, berkorban selain kumpul kekuatan untuk majukan negara. Tahniyah kepada Barisan Nasional yang awal-awal sebut tiada pertarungan rebut kerusi," katanya.

Calon Kerajaan Perpaduan, Sock Tao akan bersaing dengan calon Perikatan Nasional daripada BERSATU, Khairul Azhari Saut, Parti Rakyat Malaysia Hafizah Zainuddin dan Nyau Ke Xin calon Bebas.

Iktiraf peranan wanita, orang muda

HULU SELANGOR - Setiausaha Agung DAP Anthony Loke menyifatkan pemilihan Pang Sock Tao, 31, sebagai calon menunjukkan Pakatan Harapan (HARAPAN) sentiasa mengangkat martabat masyarakat wanita dan anak muda.

Beliau menegaskan mendiang Lee Kee Hiong membuktikan keupayaan wanita dengan meninggalkan rekod cemerlang sepanjang hampir tiga penggal berkhidmat sebagai wakil rakyat Kuala Kubu Bharu (KKB).

"Peranan wanita cukup hebat dalam kempen, jentera dan semuanya.

Mendiang telah membuktikan dengan rekod bersih sepanjang perkhidmatannya sebagai pemimpin di KKB.

"Sebab itu calon yang telah disenarai pendek semuanya mestilah wanita. Itu syarat pertama kita," katanya dalam program sama.

Barisan Nasional (BN) Selangor pula mahu memastikan kejayaan berpihak kepada calon Kerajaan Perpaduan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) KKB.



Pengerusinya Datuk Megat Zulkarnain Omardin memberi jaminan tersebut kepada pimpinan HARAPAN untuk membantu kemenangan calon gabungan itu.

"Dari segi jentera, saya telah memutuskan untuk menggerakkan semua Bahagian Umno Selangor untuk memberi tumpuan kepada kawasan penduduk majoriti Melayu," katanya pada 24 April.

Beliau berucap demikian dalam majlis pengumuman calon di Pusat Khidmat DUN KKB di sini pada 24 April.

WAKTU SOLAT	2-8 MEI 2024 29-29 SYAWAL 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
02 Khamis		5:43	5:53	7:02	1:13	4:31	7:20	8:31	5:44	5:54	7:03	1:14	4:32	7:20	8:31	5:45	5:55	7:04	1:15	4:34	7:22	8:34
03 Jumaat		5:43	5:53	7:02	1:13	4:32	7:20	8:31	5:44	5:54	7:03	1:13	4:32	7:20	8:31	5:44	5:54	7:03	1:15	4:34	7:22	8:34
04 Sabtu		5:42	5:52	7:02	1:13	4:32	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32	5:44	5:54	7:03	1:15	4:34	7:22	8:34
05 Ahad		5:42	5:52	7:02	1:13	4:32	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32	5:44	5:54	7:03	1:15	4:34	7:22	8:34
06 Isnin		5:42	5:52	7:02	1:13	4:32	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32	5:44	5:54	7:03	1:15	4:35	7:22	8:34
07 Selasa		5:42	5:52	7:01	1:13	4:33	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:15	4:35	7:22	8:34
08 Rabu		5:42	5:52	7:01	1:13	4:33	7:20	8:32	5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:15	4:35	7:22	8:35



KREATIF... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah (dua, kanan) tertarik dengan beberapa karikatur dalam program Eksplorasi Gagasan Rumpun Selangor peringkat Hulu Langat pada 24 April. Hadir sama, EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail (kanan). Foto HAFIZ OTHMAN

Usaha naik taraf hospital

Tambah doktor pakar di KKB

HULU SELANGOR - Pelbagai proses naik taraf akan dibuat di Hospital Kuala Kubu Bharu (KKB) termasuk meningkatkan perkhidmatan dan menambah bilangan doktor pakar, kata menteri kesihatan.

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad memberitahu pihaknya maklum keluhan penduduk termasuk ketiadaan pakar di situ hingga pesakit terpaksa dirujuk ke Hospital Selayang khususnya kes kemalangan.

Beliau menjelaskan penambahbaikan yang akan dibuat antaranya menaik taraf keupayaan unit kecemasan dengan menempatkan seorang doktor pakar mulai bulan depan, lapor Berita Harian.

"Kita sudah ada seorang pakar perubatan am di sini (sejak Januari lalu). Kita juga akan menaik taraf unit farmasi dan kawasan parkir awam," katanya dalam sidang media pada 26 April.

Dr Dzulkefly mengadakan lawatan rasmi ke Hospital KKB dan beramah mesra dengan kakitangan dan pesakit di situ. Turut sama, EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin.

Beliau menjelaskan usaha sedemikian tidak terbatas di KKB sahaja sebaliknya penambahbaikan juga di-

jalankan berterusan meliputi hospital di negeri lain yang berdepan masalah sama.

"Tentu ada banyak perkara perlu diberi perhatian, dan kita merancang dengan begitu rapi. Paling penting ialah meningkatkan perkhidmatan di hospital, dan itulah cabarannya," katanya.

Menekankan kepentingan sumber manusia mencukupi di hospital, Dr Dzulkefly memaklumkan trend kehadiran pelawat ke Hospital KKB meningkat kebelakangan ini.

"Ia menunjukkan sudah ada keinginan dan kepercayaan warga di sini yang mahu atau bersedia mendapatkan rawatan daripada hospital ini.

"Selalunya jika hospital tidak doktor pakar, persepsi pesakit ialah tidak mahu pergi. Namun sekarang, kita ada doktor pakar dan saya rasa itu antara sebab peningkatan pelawat," katanya.

Bagaimanapun, Dr Dzulkefly berpendapat belum ada keperluan untuk membina hospital baharu di Kuala Kubu Bharu sebaliknya tumpuan harus diberi kepada usaha bagi memastikan kelengkapan kesihatan di situ mencukupi.



Semua kaum terima manfaat kebajikan

HULU SELANGOR - Segala bentuk inisiatif kebajikan bertujuan membantu rakyat secara saksama merangkumi segenap lapisan masyarakat, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menambah usaha memelihara kebajikan rakyat yang dijayakan Kerajaan Selangor sejak 2008 tidak terhad kepada kaum, kelompok atau kumpulan tertentu sebaliknya bersifat menyeluruh.

"Negeri ini untuk semua. Kerajaan Perpaduan adalah kerajaan yang cuba sedaya upaya untuk memberi kebajikan kepada rakyat dan menjaga semua kaum dan agama.

"Bukan hanya tengok (tumpu) orang Melayu atau Islam sahaja. Saya pastikan masyarakat Tionghua dan India yang saya anggap kawan dan keluarga dijaga dengan baik dan hidup aman," katanya.

Beliau berucap dalam program Penyerahan Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah dan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Selangor di Batang Kali pada 25 April.

Amirudin menjelaskan segala dasar yang dibawa Kerajaan Negeri seimbang bagi memastikan semua pihak tanpa mengira latar belakang berpeluang membaiki kehidupan dan maju bersama.

GAMUDA LAND

7% Diskaun*
untuk Bumiputera

GAMUDA GARDENS

Miliki Rumah Idaman Anda di Gamuda Gardens

MONARC
— Banglo dan Semi-D —

Valeria
— Teres Superlink dan Semi-D —

JOYA
— Teres Superlink —

Slap dibina

ILLARIA
— Teres dan Rumah Bandar —

*Tertakluk kepada terma dan syarat

Sincere Responsible Original

Bandar Bural Development Sdn Bhd
Kuala Lumpur, Selangor

FINANCIAL WORLD PRIX
BY KUALA LUMPUR AWARDS

THE EDGE
BEST RESIDENTIAL DEVELOPMENT 2023

AMBA
2023

gamuland.com.my
03 6037 2888

Calon bentang manifesto 3 Mei

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao, 31, dijadual membenteng manifesto merangkumi inisiatif kebajikan dan rancangan pembangunan setempat pada 3 Mei.

Beliau percaya pelbagai tawaran dalam dokumen tersebut bakal memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat Kuala Kubu Bharu (KKB) melangkaui kepentingan mana-mana kaum.

"Berkenaan pembangunan atau perancangan kepada masyarakat, saya akan umum dalam manifesto," katanya selepas meramahi penduduk Orang Asal di Kampung Tun Abdul Razak di sini pada 30 April.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan pilihan raya kecil KKB diadakan pada 11 Mei susulan kematian penyandang kerusi Lee Kee Hiong akibat barah pada 21 April.

Bela kebajikan wanita, anak muda

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao mahu meneruskan program pembangunan yang telah dirancang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu (KKB).

Beliau juga mahu memastikan aspek kebajikan anak muda dan wanita antara tumpuan khusus jika dipilih sebagai wakil rakyat dalam pilihan raya kecil pada 11 Mei.

"Kita akan mulakan kempen dengan berhemah dan menghormati sensitiviti. Jika diberi peluang saya akan teruskan perancangan pembangunan di Kuala Kubu Bharu.

"Saya juga akan pastikan kebajikan anak muda dan wanita. Ia akan dimasukkan dalam manifesto yang akan dilancarkan tidak lama lagi," katanya selepas proses penamaan calon pada 27 April.

Enggan ulas isu sivil akademik

SHAH ALAM - Calon Perikatan Nasional (PN) kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu enggan mengulas berhubung kelulusan akademiknya yang dipertikai orang ramai.

Cuba mengelak isu itu, Khairul Azhari Saut, 54, hanya berkata beliau mahu memberi perhatian kempen pilihan raya kecil (PRK).

"Saya tidak mahu komen, saya fokus pada pilihan raya. Saya jawab kemudian," katanya ketika disoal media selepas penamaan calon pada 27 April.

Selepas PN mengumumkan namanya dua hari lalu, poster biodata beliau mencetus tanda tanya, terutama mengenai latar belakang pendidikan.

Berdasarkan maklumat tertera, beliau memperoleh diploma eksekutif pengurusan pada 2019, kemudian ijazah sarjana eksekutif pengurusan perniagaan dua tahun kemudian tanpa maklumat ijazah sarjana muda.

Bantu rakyat tingkat mutu kehidupan

HULU SELANGOR - Kejayaan ekonomi Selangor didorong dasar keterbukaan yang membenarkan rakyat dari seluruh negara mencari peluang baharu di negeri ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pentadbirannya bertekad untuk terus berusaha meningkatkan taraf kehidupan rakyat melalui pelbagai perancangan pembangunan.

"Negeri ini bukan sahaja menum-

pukan usaha memanjangkan ekonomi negeri tetapi akan terus melahirkan dasar berteraskan rakyat seperti Iltizam Selangor Penyayang (ISP) dan Mamakerja.

"Sebagai payung kepada rakyat pelbagai latar belakang untuk mencari kehidupan, hidup aman damai di negeri yang dihuni masyarakat majmuk," katanya sempena Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat negeri pada 27 April.

Amirudin menambah negeri akan

mengkaji semula keberkesanan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dengan membenteng kajian separuh penggal rancangan tersebut pada pertengahan tahun ini.

"Ia melibatkan perancangan 200 program yang dianggarkan menelan belanja RM200 bilion bagi memastikan semua rancangan dan dasar memberi impak positif kepada semua masyarakat," katanya.

Tumpu naik taraf prasarana

Penerus legasi kemajuan, kebajikan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao, 31, berazam untuk meneruskan legasi cemerlang yang ditinggal mendiang Lee Kee Hiong selama tiga penggal di Kuala Kubu Bharu (KKB).

Mahu menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan dan menaik taraf prasarana, beliau yakin Dewan Undangan Negeri (DUN) tersebut terus berkembang maju sebagai lokasi tumpuan pelancong.

"Kemudahan sedia ada akan ditambah baik memandangkan DUN

KKB lokasi pelancongan yang secara tidak langsung akan memanfaatkan penduduk setempat.

"Saya akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri. Saya mahu menjadi jambatan antara kerajaan dan rakyat," katanya selepas beramah mesra dengan penduduk pada 30 April.

Sock Tao juga menyatakan kesediaannya untuk bekerja bersama pasukan mendiang Kee Hiong di pusat khidmat DUN bagi meneruskan pelbagai inisiatif yang dirancang sebelum ini.



"Saya yang telah memerhati gerak kerja mendiang. Jika diberi mandat, saya akan bekerja dengan pasukan mendiang, ketua kampung dan Majlis Pembangunan Komuniti Kampung," katanya.

Sock Tao berdepan saingan empat penjurong dalam pilihan raya kecil tersebut pada 11 Mei berikutan kematian Kee Hiong akibat barah pada 21 Mac.

DUN tersebut memiliki 40,226 pengundi terdiri daripada 39,362 pengundi biasa, 625 anggota polis, 238 anggota tentera.

Muda, bertenaga, berdedikasi

HULU SELANGOR - Pembangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu (KKB) lebih maju jika calon Kerajaan Perpaduan diberi peluang meneruskan legasi mendiang Lee Kee Hiong.

Ahli Parlimen Bangi Syahredzan Johan menyifatkan Pang Sock Tao, 31, berdedikasi, gigih dan dinamik lantaran mampu memberi idea baharu di samping mengekalkan kelebihan sedia ada.

"Beri peluang kepadanya, saya ya-

kin legasi wakil rakyat sebelum ini dapat diteruskan dan mampu bawa perubahan kepada DUN KKB," katanya pada 28 April.

Ahli Parlimen Bentong Young Syefura Othman yang turut ditemui dalam sesi 'walkabout' di Pasar Karat Batang Kali menyifatkan Sock Tao wanita muda yang kuat bekerja dan berkebolehan besar.

"Beliau bukanlah baharu dalam parti dan ada pengalaman luas kera-

na sering ikut berkempen pada pilihan raya sebelum ini," katanya.

Pilihan raya kecil itu diadakan pada 11 Mei susulan kematian Kee Hiong akibat barah pada 21 Mac.

Sock Tao berdepan calon Perikatan Nasional Khairul Azhari, Hafizah Zainudin (Parti Rakyat Malaysia) dan Nyau Ke Xin (Bebas) dalam pertandingan empat penjurong.

Ada 40,226 pengundi dalam DUN ini. Setakat data ketika pilihan raya negeri, pengundi Melayu meliputi 46 peratus, Cina (31 peratus), India (18 peratus) dan lain-lain (5 peratus).

Tekad pelihara hak semua kaum

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao, 31, mahu menjaga hak dan kebajikan semua kaum di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu (KKB) jika menang pilihan raya kecil itu.

Beliau memberi jaminan untuk sentiasa memelihara kesejahteraan setiap warga DUN tersebut tanpa mengira

latar belakang sekiranya terpilih sebagai wakil rakyat pada 11 Mei.

"Kalau saya menang, yang pertama saya mahu buat adalah menjamin kesejahteraan tidak kira agama, bangsa dan latar belakang termasuk masyarakat Orang Asal di sini," katanya.

Diiringi EXCO Pelaburan Ng Sze Han dan EXCO Sumber Manusia V

Papparaidu, Sock Tao meluangkan masa sejam jam bertemu peniaga dan pengunjung pasar malam di pekan KKB.

Beliau yang telah berpindah ke KKB sebelum proses penamaan calon bagi mendekati masyarakat turut beramah mesra dengan masyarakat Orang Asal di Kampung Tun Razak di sini.

Tumpu bantu 861 individu lagi

Basmi miskin tegar menjelang Julai

Oleh **SOFIA NASIR**

HULU SELANGOR - Selangor berupaya membasmi masalah kemiskinan tegar selewat-lewatnya Julai, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu hanya 861 orang yang tergolong dalam kategori tersebut setakat Januari tahun ini berdasarkan maklumat terkini Majlis Tindakan Pembangunan Negeri Selangor.

Katanya, bilangan golongan berkenaan menunjukkan penurunan ketara berbanding kira-kira 8,000 orang dalam kelompok sedemikian dalam tempoh sama tahun lalu.

"Sebahagian mereka hanya perlukan tambahan RM17 daripada pendapatan mereka untuk keluar senarai miskin tegar. Kita tumpu kelompok ini dan saya yakin tamatkan isu ini," katanya.

Beliau ditemui dalam program sam-

butan Aidilfitri Anak Muda Batang Kali di Bandar Baru Batang Kali di sini pada 31 April. Hadir sama, penyelaras Batang Kali Saifuddin Shafi Muhammad.

Amirudin juga menjelaskan lapan daripada sembilan daerah mencatat penurunan ketara bagi senarai penduduk miskin tegar manakala Sepang merekod sifar miskin tegar.

Beliau percaya pemberian Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) RM300 sebulan selain sumbangan zakat berupaya membawa kelompok tersebut keluar dari belunggu kemiskinan tegar.

"Dengan pemberian BINGKAS dicampur dengan zakat, kita ada 500 lebih masyarakat Melayu dan selebihnya bukan Melayu yang akan kita tangani," katanya.

Lebih 40 skim bantuan tersedia menerusi Iltizam Selangor Penyayang (ISP) sekali gus menjadikan Selangor antara

negeri tertinggi menyediakan program kebajikan untuk rakyat.

Inisiatif tersebut merangkumi pelbagai aspek penting antaranya pendidikan, kesihatan serta ekonomi yang bertujuan merapatkan jurang dalam masyarakat.

Usaha pembasmian miskin tegar antara agenda utama Kerajaan Perpaduan bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara dinikmati semua kaum tanpa ada tercacir.

Pada 15 Februari, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu usaha membasmi kemiskinan tegar di Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan mencapai status 100 peratus.

Dalam Belanjawan Madani 2023, beliau menyatakan tekad untuk menamatkan masalah kemiskinan tegar yang dihadapi sekitar 130,000 penduduk meliputi semua kaum di negara ini.

RM70,000 biaya perubatan asnaf

AMPANG JAYA - Dana hampir RM70,000 disumbangkan kepada asnaf sekitar Hulu Langat sempena sesi jelajah Rumpun Selangor di daerah berkenaan.

Sumbangan Lembaga Zakat Selangor itu disampaikan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor di Masjid Al-Ubudiah Kampung Tasek Tambahan turut melibatkan bantuan pembiayaan perubatan.

Dalam majlis sama, Tengku Amir Shah diiringi EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah dan EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail berkenan menyampaikan duit raya kepada kira-kira 30 anak yatim.

Baginda turut menunaikan solat Jumaat berjemaah selain bertemu penduduk yang hadir ke program Kenduri Rakyat di pekarangan masjid.

Selain itu, Tengku Amir Shah turut berkenan melepaskan 20,000 anak ikan lampam di Sungai Batangsi, Semenyih sempena jelajah berkenaan pada 25 April.

Baginda diiringi Rizam memulakan aktiviti lasak dengan menunggang kenderaan serba rupa bumi (ATV) sejauh lapan kilometer bersama 50 peserta lain.


Tengku Amir Shah juga berkenan melancarkan program PERMATA@Pintar Antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 24 April.



TROPICANA AMAN
KOTA KEMUNING


UNIT BUMIPUTERA, PAKEJ ISTIMEWA UNIT TERHAD

POTONGAN HARGA BUMIPUTERA



ELEMAN
RESIDENCES

RUMAH TERES 2 TINGKAT
26' x 80'



FREESIA
RESIDENCES

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT
48' x 80' / 38' x 90'



GEMALA
RESIDENCES

RUMAH TERES 2 TINGKAT
32' x 75' / 32' x 87'



HANA
RESIDENCES

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT/
RUMAH SESEBUAH 2 & 3 TINGKAT
45' x 80' / 55' x 80' / 60' x 100' / 80' x 100'



1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY
No. 2, 1, Persiaran Tropicana Aman, Bandar Tropicana Aman,
42500 Telok Panglima Garang, Selangor.



ELEMAN | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024 - 14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-6/11-2023/0384(R)-(S) • Tempoh Sah: 19/11/2022 - 18/11/2023 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1332/10 • Tarikh Dijangka Siap: Oktober 2023 • Pegangan Tanah: Pajak 99 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2101) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit: 233 Unit (Jenis A: 56 unit, Jenis A2: 10 unit, Jenis B: 107 unit, Jenis B1: 20 unit, Jenis B2: 20 unit) • Harga Jualan: RM1,166,800 (Min.) - RM2,644,800 (Maks.); Jenis A: RM1,508,800 (Min.) - RM1,921,800 (Maks.); Jenis A2: RM1,782,800 (Min.) - RM2,170,800 (Maks.); Jenis A3: RM2,028,800 (Min.) - RM2,664,800 (Maks.); Jenis B: RM1,667,800 (Min.) - RM1,736,800 (Maks.); Jenis B1: RM1,687,800 (Min.) - RM1,800,800 (Maks.); Jenis B2: RM1,729,800 (Min.) - RM2,297,800 (Maks.) • Keluasan Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) - 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis B1: 3,142.31 kps (Min & Maks.); Jenis B2: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • 7% Diskon Bumiputera • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

FREESIA | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024 - 14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-7/05-2024/0733(R)-(S) • Tempoh Sah: 08/05/2023 - 07/05/2024 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPKL/JKB/2/4/17/2021 (13) • Tarikh Dijangka Siap: Mei 2024 • Pegangan Tanah: Pajak 99 Tahun (Tarikh Luput: 08/11/2123) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Berkembar 2 Tingkat, Rumah Banglo 2 Tingkat • Jumlah Unit: 196 unit (Rumah Berkembar 2 Tingkat, Jenis A: 130 Unit, Jenis A1: 16 Unit, Jenis B: 48 unit, Rumah Banglo 2 Tingkat, Jenis C: 4 unit) • Harga Jualan: Rumah Berkembar 2 Tingkat, Jenis A: RM2,216,800.00 (Min.) - RM2,572,800.00 (Maks.); Jenis A1: RM2,610,800.00 (Min.) - RM3,083,800.00 (Maks.); Jenis B: RM2,720,800.00 (Maks.); Rumah Banglo 2 Tingkat, Jenis C: RM4,251,800.00 (Min.) - RM4,625,800.00 (Maks.) • Keluasan Bangunan: (Rumah Berkembar 2 Tingkat, Jenis A: 3,770 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 4,313 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,769 kps (Min & Maks.); Rumah Banglo 2 Tingkat, Jenis C: 5,354 kps (Min & Maks.) • 7% Diskon Bumiputera • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

GEMALA | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024 - 14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-8/02-2025/0109(R)-(S) • Tempoh Sah: 15/02/2024-14/02/2025 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPKL/JKB/2/4/37/2021 • Tarikh Dijangka Siap: Februari 2025 • Pegangan Tanah: Pajak 99 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2101) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Banglo 3 Tingkat, Rumah Banglo 2 Tingkat, Rumah Berkembar 2 Tingkat • Jumlah Unit: 116 unit (Rumah Teres 2 Tingkat, Jenis A: 39 Unit, Jenis A1: 12 Unit, Jenis B: 44 Unit, Jenis B1: 12 Unit, Jenis B2: 5 Unit, Jenis C: 3 Unit, Jenis C1: 1 Unit) • Baki Unit: Rumah Teres 2 Tingkat - Jenis A: Habis Dijual; Jenis B: Habis Dijual; Jenis B1: Habis Dijual; Jenis B2: Habis Dijual; Jenis C: Habis Dijual; Jenis C1: Habis Dijual • Harga Jualan: Rumah Teres 2 Tingkat, Jenis A: RM 1,541,800 (Min.) - RM 1,666,800 (Maks.); Jenis A1: RM 1,796,800 (Min.) - RM 2,033,800 (Maks.); Jenis B: RM 1,540,800 (Min.) - RM 1,572,800 (Maks.); Jenis B1: 1,756,800 (Min.) - RM 2,055,800 (Maks.); Jenis B2: RM 1,949,800 (Min.) - RM 1,991,800 (Maks.); Jenis C: RM 1,541,800 (Min.) - RM 1,666,800 (Maks.); Jenis C1: RM 1,860,800 (Min. & Maks.) • Keluasan Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat, Jenis A: 2,787 kps (Min. & Maks.); Jenis A1: 2,860 kps (Min. & Maks.); Jenis B: 2,648 kps (Min. & Maks.); Jenis B1: 2,730 kps (Min. & Maks.); Jenis B2: 2,730 kps (Min. & Maks.); Jenis C: 2,648 kps (Min. & Maks.); Jenis C1: 2,730 kps (Min. & Maks.) • 7% Diskon Bumiputera • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. HAMA | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024 - 14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-9/10-2025/0242(N)-(S) • Tempoh Sah: 18/10/2022 - 17/10/2025 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPKL/JKB/2/4/16/2022 • Dijangka Siap: Oktober 2025 • Pegangan Tanah: Pajak 88 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2101) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Banglo 3 Tingkat, Rumah Banglo 2 Tingkat, Rumah Berkembar 2 Tingkat • Jumlah Unit: 130 unit (Jenis A: 5 Unit, Jenis B: 21 Unit, Jenis C: 4 Unit, Jenis D: 60 Unit) • Harga Jualan: Rumah Banglo 3 Tingkat, Jenis A: RM 6,288,800 (Min.) - RM 7,986,800 (Maks.); Rumah Banglo 2 Tingkat, Jenis B: RM 4,238,800 (Min.) - RM 5,570,800 (Maks.); Rumah Berkembar 2 Tingkat, Jenis C: RM 2,798,800 (Min.) - RM 4,084,800 (Maks.); Rumah Berkembar 2 Tingkat, Jenis D: RM 2,338,800 (Min.) - RM 3,389,800 (Maks.); • Keluasan Bangunan: Rumah Banglo 3 Tingkat, Jenis A: 9,052 kps (Min. & Maks.); Rumah Banglo 2 Tingkat, Jenis B: 5,745 kps (Min. & Maks.); Rumah Berkembar 2 Tingkat, Jenis C: 4,450 kps (Min. & Maks.); Rumah Berkembar 2 Tingkat, Jenis D: 4,004 kps (Min. & Maks.); • 7% Diskon Bumiputera • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan pindah milik dikenakan setema 5 tahun daripada tarikh pindah milik disatukan daripada pemaju kepada penerima pindah milik. Dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pindah milik, setiap permohonan kebenaran pindah milik berikutnya hendaklah disertakan dengan surat persetujuan daripada Lembaga Pemumahan dan Hartanah Selangor dan bagi pindah milik daripada pemaju kepada penerima pindah milik yang tidak bertakluk kepada permohonan kebenaran pindah milik berikutnya hendaklah disertakan dengan surat persetujuan daripada Lembaga Pemumahan dan Hartanah Selangor.

Laluan Batang Kali dibuka 1 Julai

HULU SELANGOR - Kerja membaiki cerun dan laluan Batang Kali-Genting Highlands akibat tragedi tanah runtuh pada akhir 2022 dijadual siap pada Jun, menurut timbalan menteri kerja raya.

Datuk Seri Ahmad Maslan memberitahu projek menelan kos kira-kira RM19 juta itu mencapai 86 peratus dan kerja yang perlu disiapkan antaranya rel adang dan binaan dinding, lapor Bernama.

Katanya, satu-satunya laluan dengan mendapat kebenaran khas iaitu pekerja di Genting Highlands atau pemilik rumah di Batang Kali dan Hulu Selangor, dijangka dibuka sepenuhnya pada 1 Julai.

Bencana alam pada 16 Disember 2022 itu yang menimbus tapak perkhemahan Father's Organic Farm mengakibatkan 18 individu dan 13 kanak-kanak terkorban.

Kerajaan tambah perkhidmatan bas

HULU SELANGOR - Sistem pengangkutan awam di Kuala Kubu Bharu di sini khususnya perkhidmatan bas akan ditambah baik demi keselesaan penduduk, kata Menteri Pengangkutan Anthony Loke.

Beliau memberitahu Kerajaan Perpaduan dalam proses memperbanyak kemudahan kenderaan awam tersebut di semua kawasan termasuk memudahkan pergerakan pengguna ke perkhidmatan rel.

"Seperti di Kuala Kubu Bharu, terdapat pekan, bandar baru, kampung dan taman perumahan yang dilihat memerlukan perkhidmatan bas yang boleh disambung dari komuter ke Lembah Klang.

"Sebab itu, kita akan perbaiki dan beri perhatian kemudahan awam di sini. Jika wakil rakyat dipilih daripada kerajaan sedia ada, ia akan memudahkan lagi usaha tersebut," katanya.

Tambah baik aliran trafik di Elmina

SHAH ALAM - Dua simpang masuk ke Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE) di Elmina ditutup tiga bulan antara 27 April hingga 26 Julai bagi menambah baik aliran lalu lintas di kawasan berkenaan.

Menurut Prolintas Expressway Sdn Bhd (PESB), ia melibatkan simpang masuk dari Elmina (Timur) ke arah Rawang dan simpang masuk dari Elmina (Barat) menuju ke arah Shah Alam, lapor Bernama.

"Susulan penutupan itu, pengguna diminta membuat pusingan U di bulatan yang terletak di kedua-dua arah untuk mengakses susur masuk ke arah Rawang atau Shah Alam.

"Sekiranya langkah tersebut berjaya mengatasi isu kesesakan di lokasi, pengendalian lebuhraya bercadang membuat penutupan kekal simpang berkenaan," kata kenyataan pada 27 April.

400 keluarga terima barangan asas

HULU SELANGOR - Seramai 400 ketua isi rumah menerima pek barangan asas melalui program Sumbangan Ehsan Rahmah di balai raya Jalan Padang Golf, Kuala Kubu Bharu di sini.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim memberitahu pek makanan bernilai RM100 itu diserahkan kepada penduduk berpendapatan rendah (B40) dan diagih secara adil mengikut pembahagian kaum.

"Penerima dapat dua ekor ayam dan enam barangan asas yang sentiasa ditawarkan dalam program Jualan Ehsan Rahmah (JER). Be-

zanya kali ini, kita beri percuma.

"Ini antara program yang selalu kita buat bawah portfolio saya. Penerima dipilih oleh ketua kampung dan mereka terdiri daripada golongan memerlukan," katanya pada 26 April.

Penerima Zaidah Alias, 67, mengakui terkejut tetapi gembira apabila wakil ketua kampung mengajaknya untuk menghadiri ke program itu selain menyerahkan kupon kepada beliau.

"Saya mahu masak barangan ini se-

dikit dan sedekah di surau supaya dapat pahala berpanjangan.

Lagi pun, saya hanya tinggal berdua dengan anak dan kami tidak makan banyak," katanya.

Warga emas Belon Dolah, 70, pula bersyukur kerana terpilih sebagai penerima sekali gus mengurangkan perbelanjaan dapur keluarganya untuk bulan hadapan.

"Syukur dan rasa seronok terima barangan ini. Kurang sedikit beban perbelanjaan keluarga kami. Saya juga mahu bagi anak-anak makan sedap-sedap," kata bapa tujuh anak itu.



Hasil dana bantuan RM133,400

Peniaga kecil dapat peralatan niaga

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

HULU SELANGOR - Seramai 26 peniaga kecil sekitar sini menerima peruntukan RM133,400 melalui program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan (Blueprint).

EXCO Pembasmian Kemiskinan V Papparaidu memberitahu program tersebut meningkatkan taraf ekonomi mereka menerusi pemberian bantuan peralatan atau mesin yang diperkenalkan sejak 2008.

Beliau menambah pelbagai peralatan diterima usahawan antaranya mesin kisar elektrik, peti sejuk (chiller), stor lipat dan dapur masak bagi meningkatkan

keupayaan niaga mereka.

"Peralatan dan mesin ini semua akan membantu meningkatkan keupayaan peniaga kecil sekali gus menambah lagi pendapatan mereka," katanya pada 25 April.

Beliau ditemui selepas penyerahan Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah dan Program Blueprint di Batang Kali yang disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Peniaga burger Jamaliah Mat Shariff, 53, menyifatkan bantuan penstoran makanan dan peti sejuk bernilai RM4,300 yang diterima membantu penyimpanan stok produk niaga

dengan lebih banyak.

"Jadi, kadang-kala stok yang disimpan sedikit kerana tiada ruang dan tempat, jadi bila dapat bantuan ini lebih banyak stok saya boleh beli dan jualan pasti meningkat," katanya.

Bagi Rini Hasril, 42, mesin kisar air batu cam-pur elektrik, stor lipat dan mesin membuat kuih dorayaki bernilai RM4,900 yang diterimanya dijangka menambahkan lagi tempahan produk.

"Sebelum ini banyak tempahan tetapi terpaksa tolak kerana takut tidak cukup masa kerana tiada peralatan cukup. Dengan adanya mesin elektrik selepas ini, ia sangat membantu," katanya.



Sedia subsidi tambang bas sekolah

HULU SELANGOR - Dana RM1.1 juta diperuntuk bagi menyediakan Subsidi Tambang Bas Sekolah kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) sekitar negeri ini pada tahun ini.

Menurut EXCO Pembasmian Kemiskinan V Papparaidu, penerima bantuan berkenaan terdiri keluarga berpendapatan rendah (B40), malah kebanyakan institusi pendidikan itu terletak di pedalaman.

Beliau memberitahu seramai 324 pelajar sekitar daerah tersebut antara penerima baucar subsidi tersebut yang membabitkan peruntukan RM97,200.

"Peruntukan ini kebanyakannya diterima anak pekerja ladang dari kalangan keluarga B40 yang biasanya

bersekolah agak jauh dari rumah mereka.

"Memang setiap tahun ada bantuan subsidi ini bawah portfolio saya. Setiap tahun, kita buat saringan terperinci bagi setiap penerima yang mestilah golongan B40," katanya.

Beliau ditemui selepas program penyerahan subsidi berkenaan di Batang Kali di sini yang disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 25 April.

Sementara itu, pekerja pembersihan K Shanti, 42, memberitahu bantuan RM300 yang diterimanya dapat menampung

yuran van sekolah anak untuk tempoh tiga bulan.

"Setiap bulan kos van sekolah RM100. Jadi, jumlah ini membantu saya untuk tiga bulan dan wang sedia ada boleh disalur untuk beli keperluan lain termasuk makanan," katanya.

Pekerja pengangkutan K Kanan, 38, pula berkata sumbangan tersebut meringankan bebannya bagi menampung perbelanjaan tiga anaknya yang masih bersekolah.

"Mungkin orang nampak RM300 ini kecil tetapi bagi kami orang yang kurang senang ini, ia sangat membantu," katanya.





Berumur 31 tahun, kemunculan wanita muda Pang Sock Tao sebagai calon Kerajaan Perpaduan dalam pilihan raya kecil (PRK) Kuala Kubu Bharu (KKB) sememangnya menarik perhatian ramai.

Lulusan kejuruteraan itu memenuhi ciri-ciri calon yang boleh meneruskan pencapaian wakil rakyat Lee Kee Hiong yang berusaha keras membawa pembangunan di kawasan tersebut sejak memenangi kerusi itu pada 2013.

Beliau dipilih mewakili Kerajaan Perpaduan Selangor, atas tiket Pakatan Harapan (HARAPAN), dalam persaingan empat penjurong dalam pilihan raya yang ditentukan pada hari pengundian 11 Mei ini.

Selain wanita dan kecemerlangan akademik, calon pilihan Kerajaan Perpaduan juga mesti berjaya membantu semua kaum dalam masyarakat majmuk, jelas Setiausaha Agung DAP Anthony Loke semasa pengumuman calon pada 24 April.

"Calon memainkan peranan utama kerana calon menjadi wakil dan wajah parti. Bagi kerusi KKB, ada syarat utama iaitu calon mesti wanita, ada pengetahuan dan kelayakan akademik," katanya.

"[Calon juga] ada pengalaman bekerja, pengetahuan politik, boleh menjaga orang Melayu, Cina, India dan Orang Asli. Ini syarat penting dalam pertimbangan calon."

Lahir di Selangor pada 1993, selain keputusan cemerlang di peringkat sekolah, Sock Tao pula mempunyai ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik dan elektronik (kepujian) daripada Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Membesar dalam keluarga sederhana, calon HARAPAN ini diyakini mudah mendekati orang kebanyakan. Beliau tinggal di pangsapuri bersama ibu bapa dan enam adik-beradik, termasuk kembarnya.

Ibunya seorang pengasuh, manakala bapanya buruh binaan. Bapanya mengikuti politik daripada media tetapi kakaknya turut bergiat aktif dalam Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN).

Pada peringkat sekolah menengah, Sock Tao dihantar ke asrama di Port Dickson supaya beliau boleh belajar lebih selesa. Di sekolah itu, beliau aktif dalam kumpulan debat sehingga ke kampus Uniten.

Pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) itu pernah menjadi juara pertandingan debat kebangsaan. Aktiviti debat yang disertai itulah mencetuskan minat terhadap politik seawal usia 17 tahun.

Selain itu, desakan dan kempen Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) yang giat menuntut perubahan negara juga menerbitkan kecenderungannya terhadap politik tanah air.

"Semakin saya berdebat, semakin banyak isu atau topik yang saya pelajari dan semakin berminat dalam isu semasa termasuk politik.

"Yang kedua, perhimpunan Bersih, betapa peritnya perjuangan rakyat

Calon muda, bertenaga



Malaysia membawa perubahan kepada negara tercinta mendorong saya melakukan sesuatu kepada tanah air," katanya ketika ditemui pada 26 April.

Kesedaran politik

Atas kesedaran politik itu, beliau menceburi politik selepas tamat pengajian pada 2017 dengan berkhidmat sebagai sukarelawan media DAP menjelang pilihan raya umum 2018 yang menyaksikan perubahan besar politik negara.

Sock Tao mendapat pendedahan ehwal pentadbiran negara dan berurusan dengan penjawat awam semasa bertugas dengan Yeo Bee Yin, menteri tenaga, teknologi, sains, perubahan iklim dan alam sekitar. Beliau juga sempat berkhidmat di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selepas pilihan raya umum 2022.

Pernah mengikuti Kee Hiong turun padang, Sock Tao tidak terluhi asing dengan kerusi DUN ini, antara kawasan bersejarah di Hulu Selangor. Beliau yakin mampu meneruskan prestasi

mendiang, yang menghembuskan nafas terakhir akibat barah pada usia 58 tahun.

"Saya percaya saya mampu kerja sekeras-kerasnya untuk mengubah hidup rakyat lebih baik, lebih sejahtera, saksama kepada semua," katanya dalam wawancara dengan Selangorkini.

Meminati buku persaingan teknologi Chip War: The Fight for the World's Most Critical Technology tulisan Chris Miller, Sock Tao juga menyanjung bapa kemerdekaan negara Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

Baginya, putera raja Kedah itu seorang negarawan yang berani membawa tanah air bebas daripada penjajahan British dan menyatukan semua rakyat, sekali gus menjadikan almarhum satu-satunya idola politik beliau.

Sock Tao bertanding melawan Khairul Azhari Saut yang mewakili Perikatan Nasional, Hafizah Zainuddin (Parti Rakyat Malaysia) dan Nyau Ke Xin (Bebas).

Kira-kira 40,000 pengundi Kuala Kubu Bharu, dengan pecahan kaum yang agak seimbang, akan menentukan pilihan masing-masing.

Artikel ini disusun daripada temu bual Sock Tao bersama wartawan SHEEDA FATHIL pada 26 April



Nama	Pang Sock Tao
Lahir	26 April 1993, Selangor
Usia	31 tahun
Pendidikan	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Kepujian) Universiti Tenaga Nasional
Tokoh diminati	Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj
Buku diminati	Chip War: The Fight for the World's Most Critical Technology tulisan Chris Miller

Pesat membangun

Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu (KKB) terus pesat membangun. Pelbagai kemudahan awam dan prasarana dinaik taraf dan ditambah baik untuk manfaat orang ramai.

Kemudahan seperti masjid, pasar, perpustakaan awam dan jambatan mula dipertingkatkan sejak Lee Kee Hiong menang pada 2013.

Wartawan **NAZLI IBRAHIM** dan **ZAREEF MUZAMMIL** mendapat reaksi positif penduduk mengenai kepesatan pembangunan di kawasan berkenaan ketika meninjau ke DUN terbabit pada 29 dan 30 April.

Masjid Kampung Melayu Rasa

“Masjid lama sudah banyak kerosakan. Paling ketara, arah kiblat tidak berapa tepat, ada senget sedikit. Maklumlah orang dulu-dulu tidak cukup kelengkapan, dia ikut guna pakai pacak tiang untuk cari arah kiblat tetapi syukur masjid baharu ini kiblat kita pun sudah tepat berbanding yang lama.”



Kamarudin Abu Samah, 59,
imam masjid Kampung Melayu Rasa

“Selesa dan luas. Solat Jumaat, apa yang awak tengok, macam inilah, selesa. Solat raya itu setahun sekali sahaja. Tempat letak kereta pun setakat ini cukup. Keadaan dalam sekarang dah ada penghawa dingin dan kipas besar cukup selesa.”



Shahrudin Md Din, 70,
pesara

Jambatan Sungai Batang Kali

“Selepas dinaik taraf lalu lintas lebih lancar perjalanan. Sebelum ini hari biasa pun sesak. Sekarang kesesakan kenderaan hari biasa dah kurang banyak. Cuma kalau boleh tambah baik jalan-jalan sedia ada kalau ada yang rosak dan sebagainya.”



Zuraimi Mohd Rashid, 48,
kakitangan bank

“Dari segi kesesakan lalu lintas sekarang sudah jauh lebih baik, tidak macam dahulu. Cuma lampu isyarat agak cepat sebab bila kita hendak keluar dari sini ke simpang ke Batang Kali agak susah sebab kereta banyak tetapi yang lain-lain itu bertambah baik”



Nur Erlysha Azra Mohammad Amirul Hisham, 21,
pekerja kedai serbaneka



Pasar Awam Kuala Kubu Bharu

“Lagi nampak kemas, cantik, selesa dan nampak lagi okey. Memudahkan lebih ramai pelanggan datang sebab sudah cantik, kemas. Nampak jauh berbeza dengan dulu. Dulu panas sekarang sudah ada kipas besar yang cantik.”



Priya Philip, 35,
peniaga telur

“Dulu longkang tersumbat sekarang sudah tidak lagi. Dulu tikus pun banyak tetapi sekarang tempat tikus menyorok sudah tidak ada. Tugas kita sama-sama jaga kemudahan yang diberi ini.”



How Yoke Hwong, 56,
peniaga cenderhati

Perbadanan Perpustakaan Awam

Kuala Kubu Bharu

“Kemudahannya cukup baik dengan komputer, pencetak, internet dan buku-buku rujukan sudah tentulah. Tempat seperti ini memang sesuai untuk saya cari idea dan rehatkan minda juga. Kadang-kadang saya buat temu janji dengan anak guam, saya suruh datang sini. Mereka terkejut, eh, selesanya tempat ini, lain kali boleh datang.”



Wan Muhd Khomeni Wan Md Shariff, 45,
peguam

“Dulu tempatnya agak kecil dan tiada pemisah untuk tempat cerita tetapi sekarang sudah ada. Masa cuti sekolah banyak program ada di sini. Ibu bapa boleh tinggalkan anak di sini dengan senang hati sebab selamat di sini. Anak-anak berseronok di sini. Dulu ruang tidak banyak, jadi tidak banyak aktiviti dapat diadakan berbanding sekarang.”



Thana Letchumi Kupusamy, 59,
guru tadika

Kemudahan awam

“Pembangunan yang saya nampak di sini, banyaklah kemudahannya seperti bas percuma dari Bukit Beruntung ke Kuala Kubu Bharu. Hulu Yam pergi ke Sungai Buaya. Saya nampak pembangunan yang pesatlah. Macam kemudahan tu, memang mudahlah. Macam sekolah, sekolah agama, masjid, memang banyak sangatlah kemudahan.”



Mohd Ghani Veerankutty, 51,
peniaga

“Perancangan pembangunan memang cepat betul. Dengan rumah kedai yang banyak, dengan macam-macam ada dekat sini. Alhamdulillah, memang terbaik (kemudahan infrastruktur) seperti jalan, pengangkutan, perkhidmatan semua ada di sini.”



Muhamad Ridzuan Adam, 54,
bekerja sendiri

Jualan murah legakan rakyat

Oleh NADIAH ZAMLUS DAN SOFIA NASIR
Foto HAFIZ OTHMAN

Kenaikan harga barangan menekan hidup rakyat, khususnya mereka yang pendapatan rendah atau B40. Menyedari kesusahan golongan rentan ini, Kerajaan Negeri segera melaksana program jualan murah untuk membantu rakyat.

Agensi Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mengambil tanggungjawab itu dengan memperkenalkan program Jelajah Ehsan Rakyat, dua tahun lalu.

Hasilnya, penduduk setiap daerah di Selangor mendapat manfaat program berkenaan yang ketika ini dijenamakan sebagai Jualan Ehsan Rahmah (JER). Tidak pernah tercicir, penduduk Kuala Kubu Bharu (KKB) juga sentiasa dikunjungi jualan murah berkenaan.

Tahun lepas, lebih sembilan kali JER dianjurkan di lokasi terbabit. Ada di Balai Penghulu Mukim Kerling, Bandar Tasik Puteri, Kampung Chuang Rasa, juga di Hulu Yam.

Bagi memudahkan penduduk di situ, bermula September PKPS melaksana jualan setiap seminggu sekali di pasar raya Segi Fresh Kuala Kubu Bharu.

Ahli Dewan Negeri KKB, mendiang Lee Kee Hiong antara pemimpin yang kerap turun ketika berlangsungnya jualan murah di lokasinya.

Tahun ini PKPS meneruskan program JER di lebih 1,800 lokasi seluruh negeri. Bagi membolehkan sekurang-kurangnya empat lokasi dianjurkan setiap hari, agensi itu bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri



dan Kos Sara Hidup.

Produk murah

Walau terdapat kenaikan harga barangan di pasaran, Kerajaan Negeri terus memberi jaminan semua harga barangan JER dikekalkan.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim berkata tindakan itu selaras hasrat pentadbiran Kerajaan Negeri yang mahu meringankan beban rakyat terutama ketika musim perayaan.

Bukan sekadar murah, produk jualan seperti beras juga berkualiti. Beras cap Ehsan keluaran PKPS antara mendapat sambutan.

Sehingga kini jualan murah itu menawarkan harga ayam semurah RM10 seekor, daging pejal segar RM10 setiap pek, telur gred B dengan harga RM10 sepapan, ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg berharga RM10.

Bagi memudahkan penduduk KKB mendapatkan barangan berkenaan, lima lokasi JER lagi akan berada di situ bermula jam 10 pagi hingga 1 petang (rujuk jadual sebelah).

Sebelum ini, PKPS pernah menerima Anugerah Pengurusan Berkualiti kerana kejayaan cemerlang termasuk pengendalian program JER. Lokasi terkini jualan murah boleh disemak di Facebook PKPS atau mengimbas kod QR di poster jualan atau pautan <http://linktr.ee/myPKPS>

Selangorkini mendapat reaksi beberapa pembeli pada 30 April ketika JER di Masjid Bandar Utama Batang Kali, Hulu Selangor:

“Sudah lebih 50 kali saya bawa ibu ke JER. Ibu suka ke sini dan beli pelbagai barangan harian. Jadi saya curi masa temani ibu kerana ibu sudah uzur. Kami tinggal di Ulu Yam Lama. Setiap hari kami cari lokasi JER yang berhampiran. Setakat ini kami pernah ke jualan murah di Rawang dan Selayang, itu yang paling jauh.”

Amin Muthar, 33

“Saya suka datang JER kerana harganya murah. Tetapi kalau dapat diadakan lebih kerap lebih bagus. Saya paling suka beras Ehsan kerana murah dan berkualiti. Kalau di pasar raya, semua beras berharga RM20 ke atas tetapi di sini saya boleh dapat dengan hanya RM13 dan harga itu tidak boleh didapati di mana-mana.”

Normi Norman, 53

“Saya harap jualan JER dapat dikembangkan ke pasar raya lain untuk memudahkan rakyat beli. Harga di sini murah tetapi kalau dapat harga sama di pasar raya atau tempat lain, lebih baik.”

Yusof Ayob, 71

JADUAL JUALAN MURAH

TARIKH	TEMPAT
21 April	Dewan Serbaguna Kampung Chuang Rasa
23 April	Padang Awam Batu 30
25 April	Surau Kampung Orang Asli (Kampung Tun Razak)
30 April	perkarangan Masjid Bandar Utama Batang Kali
2 Mei	Dewan Serbaguna Kerling
5 Mei	tapak Bola Keranjang Loh Mee, Ulu Yam Lama
7 Mei	Surau Nur Hidayah, Taman Rasa Jaya
8 Mei	Masjid Al-Falah, Ulu Yam Bharu
9 Mei	sebelah Balairaya Jalan Padang Tembak

Sudah diadakan

Bakal diadakan



Calon HARAPAN Sock Tao menyerahkan risalah di pasar pagi Batang Kali pada 28 April. Foto Facebook Xiao Tao



Dato' Menteri Besar bersama Sock Tao ketika Sambutan Raya Anak Muda di Bandar Baru Batang Kali pada malam 30 April



Sock Tao (tengah) diapit pemimpin HARAPAN termasuk Amirudin ketika pengumuman calon di Taman Gamelan pada 24 April



Sock Tao bersama pencadang dan penyokongnya di pusat penamaan calon di Kuala Kubu Bharu pada 27 April



Seorang peniaga di pasar pagi Batang Kali menunjukkan risalah profil Sock Tao pada hari kedua berkempen 28 April. Foto Facebook Xiao Tao



Penyokong Kerajaan Perpaduan yang berarak mengiringi Sock Tao ke pusat penamaan calon pada 27 April



Diapit pencadang dan penyokongnya, Sock Tao menyerahkan borang di pusat penamaan calon pada 27 April



Diiring pemimpin HARAPAN Anfaal Saari (kanan), Sock Tao melambai kepada orang ramai dan penyokong dalam perjalanan ke pusat penamaan calon pada 27 April



Sock Tao disambut mesra sekumpulan remaja Orang Asli di Kampung Tun Abdul Razak pada 29 April



Sock Tao berucap ketika sesi beramah mesra bersama penduduk Orang Asli di Kampung Tun Abdul Razak pada 29 April



Sock Tao menggoreng ketika sesi beramah mesra bersama penduduk Orang Asli di Kampung Tun Abdul Razak pada 29 April



Sock Tao bertegur sapa dengan pengunjung kedai makan di sekitar pasar awam Pekan Kuala Kubu Bharu pada 30 April



Sock Tao bersama pemimpin HARAPAN Teo Nie Ching beramah mesra dengan orang ramai di Pekan Kuala Kubu Bharu pada 30 April

Pilihan rakyat

Kerajaan Perpaduan meletak calon muda lagi bertenaga Pang Sock Tao bagi mengekal kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam pilihan raya kecil (PRK) Kuala Kubu Bharu pada 11 Mei. Berusia 31 tahun, beliau berupaya memberi khidmat terbaik kepada segenap lapisan masyarakat, sekali gus meneruskan prestasi kerja mendiang Lee Kee Hiong yang meninggal dunia pada 21 Mac.

Lulusan Universiti Tenaga Nasional itu yang berasal dari keluarga orang kebanyakan juga pernah bekerja bersama pasukan mendiang, seterusnya membantunya memahami isu setempat.

Sock Tao juga pernah bertugas di Kementerian Tenaga, Teknologi Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dibantu jentera Kerajaan Perpaduan dan rekod cemerlang pentadbiran negeri, Sock Tao yang berdepan saingan empat penjuara dijangka berupaya mempertahankan kerusi yang dimenangi Pakatan Harapan (HARAPAN) sejak 2013.

Jurufoto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN, FIKRI YUSOF, HAFIZ OTHMAN dan REMY ARIFIN merakam sebahagian kempen Sock Tao setakat 30 April.

Keterangan gambar oleh HAFIZAN TAIB.



Dalam sesi bertemu orang ramai, Sock Tao mengedarkan risalah profil kepada peniaga di pasar malam Pekan Kuala Kubu Bharu pada 29 April



Sock Tao memperkenalkan diri ketika berkempen di Bandar Utama Batang Kali pada 27 April

Bela pendidik Islam

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

Selangor sangat mengambil berat pendidikan Islam anak negeri, membelanjakan lebih RM180 juta setahun untuk kemajuan sekolah dan kebajikan guru sekolah agama dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa).

Jumlah gaji, elaun dan imbuhan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) tahun lepas sebanyak RM72.3 juta, tidak termasuk gaji guru kontrak RM11.6 juta dan emolument guru Kafa RM2 juta.

Peruntukan mengurus Jais bagi 2023 kira-kira 64 peratus daripada RM280 juta peruntukan mengurus Jais.

Dengan jumlah peruntukan tersebut, pendidikan agama di Selangor mendapat sambutan hangat ibu bapa, khususnya di sekolah yang menawarkan program integrasi dan cemerlang.

Kejayaan seperti ini pastilah hasil peruntukan mengurus yang semakin meningkat daripada RM96.2 juta pada 2018, RM96.6 juta (2020) dan RM102.3 juta (2022). Dana ini bagi menampung pelbagai jenis pendidikan agama di beberapa tahap di sembilan daerah.

Setakat tahun lalu, Jais mengendalikannya 576 sekolah dalam enam kategori sejak prasekolah hingga Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). Kategori lain, Kafa Integrasi (Kafa-i), Sekolah Rendah Agama (SRA), SRA Integrasi (SRAI) dan Sekolah Agama Menengah (SAM).

Kebanyakan sekolah ini berada di daerah Petaling (117 buah), Hulu Langat (102), Gombak (80), Klang (63) dan Kuala Selangor (57).

Peruntukan besar itu digunakan untuk menjaga kebajikan 8,102 guru sekolah agama yang sebahagian besar berada di Petaling (1,560 orang), Hulu Langat (1,315), Klang (1,214), Gombak (940) dan Kuala Selangor (786).

Jumlah ini tidak termasuk 1,718 orang guru rakyat di semua jenis sekolah.

Pada 2023, mereka memberikan khidmat cemerlang mendidik 263,017 murid yang sebahagian besarnya berada di Petaling (55,801 orang), Klang



PERUNTUKAN PENDIDIKAN AGAMA SELANGOR (RM JUTA), 2018-2023

	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Pengurusan	96.2	96.5	96.6	98.7	102.3	101
Penyelenggaraan	4	1	1	1	4.9	5

Sumber Jabatan Agama Islam. Maklumat diperoleh setakat 2023

(43,275), Hulu Langat (43,047), Gombak (33,035) dan Kuala Langat (22,105).

Jumlah di atas tidak termasuk 902 sekolah agama swasta dengan 7,616 guru dan 77,353 orang murid.

Kerajaan Negeri tahun lepas merancang melantik 656 guru Kafa dalam tempoh lima tahun dengan dana RM14.6 juta.

Manfaat KWSP, Perkeso

Dalam Belanjawan 2023, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menaikkan elaun guru Kafa kepada RM1,500, setaraf gaji minimum yang diwajibkan Kerajaan.

Langkah baharu itu yang menelan perbelanjaan RM4.8 juta bakal memanfaatkan lebih 2,800 guru yang sebelum ini dibayar elaun serendah RM1,350 sebulan.

Kerajaan Negeri sebelum itu memperkenalkan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang memanfaatkan 4,200 guru. Selangor turut menyediakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sebanyak RM5 juta setahun diluluskan pada 2022 dan 2023 sebagai subsidi

bayaran yuran pelajar RM30 sebulan kepada Kafa-i.

Bantuan ini dinikmati murid di 296 Kafa-i, sekali gus membantu menyelesaikan tunggakan yuran bulanan membabitkan 14,000 murid daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

Berikut reaksi dua guru yang ditemubual pada 24 Mac 2023, yang mendapat manfaat usaha Kerajaan Negeri:



"Saya bersyukur usaha Kerajaan Negeri membantu kami, saya dahulu elaun RM300 kemudian naik kepada RM660 dan sekarang RM1,500.

"Sebelum ini pun kami 'kurang dipandang' dan sekarang dapat pelbagai insentif seperti bantuan khas Aidilfitri dan hujung tahun, namun masih ada ruang boleh ditambah."

Muhammad Nur Anuar, guru Sekolah Rendah Agama Kampung Medan 2, Petaling Jaya

"Saya melihat pengurusan untuk kebajikan guru sekolah agama semakin baik dan bersistematik berbanding dahulu, bukan sahaja dari segi elaun yang naik kepada RM1,500.

"Macam-macam kemudahan seperti cuti khas dinikmati penjawat awam, dahulu elaun masuk cek sekarang mudah dimasukkan terus ke akaun bank...jadi tidak perlu susah payah ke pejabat."

Norlinawati Ibrahim, guru Kafa-i Sungai Kapar Indah, Klang



PERBELANJAAN PENDIDIKAN ISLAM 2023

Jenis perbelanjaan	Peruntukan (RM)
Emolument	72,325,832
Perkhidmatan dan bekalan	27,114,471
Aset	143,089
Pemberian dan kenan bayaran tetap	2,334,030
JUMLAH	101,917,422

PERBELANJAAN Kafa 2023

Jenis perbelanjaan	Peruntukan (RM)
Emolument	2,030,247
Perkhidmatan dan bekalan	65,871,538
JUMLAH	67,901,785

Sumber Jabatan Agama Islam Selangor



Perkasa agama, umat

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

Kerajaan Perpaduan tidak pernah mengabaikan nasib umat Islam, agama dan budaya Melayu. Selain tegas membanteras rasuah dan membantu golongan berpendapatan rendah, agenda agama dan bangsa sentiasa dekat di hati Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sejak 1970-an, selaku presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), beliau dekat dengan perjuangan agama, mahasiswa, ekonomi dan keilmuan. Sejak memegang tampuk kepimpinan negara, beliau merencanakan lagi bidang-bidang tersebut.

Kediaman rasmi perdana menteri Seri Perdana di Putrajaya dijadikan tempat pertemuan alim ulama tempatan dan antarabangsa bersyarah dan berbincang tentang Islam.

Tidak cukup dengan itu, Anwar mencadangkan pengajaran kitab terkenal Hadis 40 Imam Nawawi untuk pelajar Islam di sekolah menengah agama di seluruh negara mulai tahun ini.

Menyedari umat Islam mempunyai pelbagai mazhab, aliran berfikir dan pendapat, beliau merasmikan dan mengedar semula kitab penting Adab Perbezaan Pendapat karya Dr Taha Jabir al-Alwani yang pernah dicetak pada 1990-an.

Selain tokoh ilmuwan ini, tokoh ulama terkenal zaman ini Dr Yusuf al-Qaradawi juga kenalan Anwar yang sentiasa mendukung perjuangannya. Pada Julai lalu, bersama anak ulama itu, beliau merasmikan buku Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi

Autobiografi Sang Pelita Umat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar mengumumkan Malaysia menjemput 200 ulama Asia Tenggara untuk bersidang di Petaling Jaya minggu depan, antara lain bagi mengajak ke arah kesatuan dan keamanan.

Pada hujung bulan ini pula, Anwar dijangka merasmikan seminar sumbangan ulama muktabar Imam Nawawi sempena Festival Turath Islami Selangor kali kedua di Shah Alam. Dalam festival pertama, beliau mencadangkan kitab Hadis 40 diajar di sekolah.

Edar al-Quran

Susulan insiden pembakaran al-Quran di Sweden pada awal 2023, Anwar tegas mencadangkan pengedaran sejuta al-Quran bersama terjemahan dalam beberapa bahasa utama dunia untuk diedar.

Pada 15 September lalu, beliau melancarkan tiga kontena al-Quran yang memuatkan 30,000 naskah al-Quran dan terjemahan bahasa Inggeris dan Mandarin, antaranya ke Australia, Kanada dan United Kingdom.

Dalam isu-isu yang berpotensi meresahkan umat Islam dan hubungan antara kaum, bawah kepimpinan beliau, pihak berkuasa segera menyasat kes tersebut. Sebahagian yang disyaki terlibat diheret ke mahkamah.

Selain kuat tekadnya untuk menoktah kemiskinan tegar kumpulan B40, Anwar juga

bertegas untuk memartabat penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Justeru beliau mengarahkan urusan surat-menyurat rasmi kepada jabatan kerajaan, kecuali daripada agensi luar negara, mestilah menggunakan bahasa kebangsaan. Surat yang ditulis selain bahasa kebangsaan akan dipulangkan semula.

Anwar diangkat sebagai pemimpin Islam ke-11 berpengaruh di dunia oleh majalah The 500 Most Influential Muslims tahun 2024 atas sumbangannya kepada umat. Selama ini beliau terkenal lantang mempertahankan hak rakyat Palestin.

Beliau menggunakan sedaya upaya pengaruh dan diplomasi untuk menghentikan pembantaian warga Gaza yang meletus sejak 7 Oktober lalu.

Ketegasannya di depan pemimpin kuasa besar termasuk Presiden Amerika Syarikat pada 17 November 2023 dan Canselor Jerman Olaf Scholz (11 Mac) mengundang pujian melangit masyarakat dunia.

Kerajaan pimpinan Anwar turut melarang serta-merta kapal yang berpangkalan di Israel berlabuh di Malaysia, di samping mengecam serangan Israel ke atas Kedutaan Iran di Syria awal bulan lalu.

Bagi membantu krisis makanan dan ubatan di Gaza, Anwar berkata Malaysia bakal memberi bantuan kemanusiaan 100 kontena. Menjelang Aidilfitri, beliau dipuji termasuk pembangkang kerana berjaya membawa keluar isteri dan anak aktivis Muhammad Nadir Al-Nuri.

Ringan beban rakyat

Oleh NADIAH ZAMLUS

Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Sebanyak RM10 bilion diagih kepada rakyat berpendapatan rendah atau B40 menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) pada tahun ini.

Usaha Putrajaya menerusi Belanjawan 2024 itu menyaksikan pertambahan RM2 bilion berbanding tahun lalu dan memanfaatkan lebih lapan juta penerima, iaitu hampir 60 peratus penduduk dewasa Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dipetik berkata STR penjenamaan semula program bantuan tunai untuk B40.

Menyedari kenaikan harga barang membelenggu sebilangan besar rakyat, kerajaan meningkatkan kadar pemberian tunai lebih 66 peratus kepada RM500, berbanding RM300 tahun lepas.

Itu bagi kategori isi rumah berpendapatan RM2,500 dan ke bawah. Manakala isi rumah berpendapatan RM2,501 hingga RM5,000 layak menerima RM100 hingga RM300.

Penerima bagi kategori warga emas yang tiada pasangan dan golongan bujang pula masing-masing akan menerima RM150 dan RM100.

Ketika pembentangan Belanjawan 2024, Anwar yang juga menteri kewangan memberitahu, mulai tahun ini semua penerima STR turut menerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Melalui SARA, penerima kategori isi rumah miskin dan miskin tegar layak mendapat RM100 sebulan selama 12 bulan selain wang daripada STR.

STR dan SARA program kerajaan persekutuan di bawah inisiatif Payung Rahmah. Di bawahnya turut terdapat Menu Rahmah, Jualan Rahmah,



Bakul Rahmah, Pakej Jalur Lebar Rahmah, Kad Diskaun Khas Menu Rahmah.

Belanjawan 2024 dibentangkan 13 Oktober tahun lalu, memperuntukkan RM200 juta untuk Payung Rahmah bagi membantu golongan B40 menyerap kos sara hidup.

Dalam program Jualan Rahmah barangan keperluan asas ditawarkan pada harga sehingga 30 peratus lebih rendah di seluruh negara.

Beri rebat

Bertema Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat, antara tumpuan undang-undang perbekalan itu meningkatkan taraf hidup kumpulan rentan seperti pesawah, peniaga kecil dan golongan B40.

Ia termasuk meneruskan pemberian rebat bil elektrik sehingga RM40 sebulan kepada isi rumah miskin tegar dengan peruntukan RM55 juta.

Golongan miskin tegar memperoleh RM500 juta melalui program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Mac lalu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli memaklumkan seramai 42,770 pemohon mengikuti program Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), 27,314 menyertai Inisiatif Usahawan Tani (INTAN).

Seramai 29,422 pemohon di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Semuanya dilaksana bawah program IPR.

"Kerajaan Madani beriltizam untuk memberi rakyat secepat kehidupan yang bermaruah. Kunci kestabilan negara terletak kepada kesaksamaan dan keadilan sosial seperti yang didamba dalam kerangka Ekonomi Madani," kata Anwar pada 28 Januari.

Mac lalu, Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bersetuju Jabatan Perangkaan (DOSM) membangunkan indikator baharu mengukur tahap kos sara hidup rakyat hingga ke peringkat daerah.

Indikator tersebut bagi membantu kerajaan merangka pelaksanaan program lebih tepat dan berkesan.

Kerajaan turut menekankan keperluan penguatkuasaan berterusan bagi memastikan tiada pihak ambil kesempatan atas peluasan skop dan perubahan kadar Cukai Perkhidmatan yang dilaksanakan ke atas beberapa perkhidmatan terpilih.

Perdana Menteri tidak pernah menafikan masalah kos sara hidup ketika ini dan pihaknya sentiasa berusaha mencari jalan untuk memperbaiki perkara itu.

KENAIKAN BANTUAN STR 2023-2024

Kategori Penerima	STR 2023		STR 2024	
	Kadar Bayaran Fasa 1 (RM)	RM bilion	Kadar Bayaran Fasa 1 (RM)	RM bilion
Isi Rumah (±RM2,500)	300	0.9	500	1.4
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	300	0.3	100-300	0.2
Warga Emas Tiada Pasangan	100	0.12	150	0.2
Bujang	100	0.35	100	0.3
Jumlah	-	1.67	-	2.1

Sumber portal Kementerian Kewangan

SUMBANGAN ASAS RAHMAH (SARA)

Kategori SARA	Bilangan penerima (juta)	Kadar (RM)
Miskin tegar	0.2	1,200
Miskin	0.5	1,200
Isi rumah	3.7	300
Bujang	4.3	150

Sumber portal Belanjawan MADANI 2024



MODEN... Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad meninjau kelengkapan di Hospital Kuala Kubu Bharu dan beramah mesra dengan kakitangan perubatan pada 26 April. Foto Facebook Dr Dzulkefly Ahmad

PM temui 50 pemimpin industri pelbagai sektor

Syarikat Perancis minat labur

SHAH ALAM - TotalEnergies, syarikat pembekal tenaga global berpangkalan di Perancis menyatakan komitmen untuk meningkatkan pelaburan dalam sektor hulu minyak dan gas.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu syarikat berkenaan juga mahu terus meneroka peluang dalam bidang penyimpanan karbon di Malaysia, lapor Bernama.

"TotalEnergies bertapak sejak 1984 di Malaysia dan memiliki pelaburan dalam pelbagai sektor di Malaysia, antaranya tenaga boleh baharu, elektrik, minyak dan penyimpanan karbon.

"Semoga pelaburan ini dijayakan secepat mungkin dan mencetus limpahan kemakmuran buat rakyat khususnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perkongsian pengetahuan," katanya.

Terdahulu, beliau memenuhi jemputan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif TotalEnergies Patrick Pouyanne untuk bertemu di sela Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF).

Anwar yang juga menteri kewangan mengadakan lawatan tiga hari di Riyadh, Arab Saudi bagi menghadiri WEF.

Baru-baru ini, TotalEnergies menandatangani perjanjian dengan Sapura Upstream Assets Sdn Bhd (SUA) untuk mengambil alih 50 peratus kepentingannya dalam pengeluaran dan pengendali gas bebas di Malaysia SapuraOMV Upstream Sdn

(SapuraOMV) bernilai US\$530 juta.

Anwar bersama rombongan Malaysia turut mengadakan mesyuarat meja bulat bersama lebih 50 pemimpin industri dan perniagaan pelbagai sektor dari seluruh pelusuk dunia di WEF.

Syarikat yang menyertai sesi itu antaranya Samsung, Chevron, BrainBox AI, Cisco Systems, TotalEnergies, Lulu Group International, Deutsche Bank dan Saudi Industrial Development Fund.

"Ruang ini saya gunakan untuk memaparkan keutamaan, inisiatif strategik dan kadar pertumbuhan ekonomi dan fiskal negara, selain kewujudan peluang perdagangan dan pelaburan," katanya.

Beliau menambah pemimpin industri dan perniagaan menunjukkan keyakinan terhadap pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik negara dengan menyatakan minat melabur dalam pelbagai bidang.

"Lebih ramai pelabur bernilai tinggi akan memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan, mengikut jejak langkah syarikat gergasi seperti Tesla, AWS, Infineon dan NVIDIA," katanya.

TotalEnergies memiliki kepentingan dalam dua kontrak perkongsian pengeluaran (PSC) dalam fasa penerokaan dan menandatangani perjanjian dengan Petronas dan Mitsui membangunkan projek penyimpanan karbon di Asia Tenggara.

Saran sektor swasta naik gaji pekerja

PUTRAJAYA-Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap sektor swasta dapat mencontohi langkah kerajaan menaikkan gaji penjawat awam seperti diumumkan.

Perdana Menteri berkata, ada pihak swasta yang mencatatkan keuntungan berganda hasil daripada produktiviti dan pengorbanan pekerja mereka, lapor Berita Harian.

"Ini sebagai langkah permulaan, pihak swasta (diharap dapat) meningkatkan gaji pekerja mereka.

"Ada syarikat besar yang mencatat keuntungan berganda daripada produktiviti (pekerja). Apa salahnya kalau syarikat untung berjuta bagilah sedikit kepada pekerja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja 2024 bertemakan Pekerja Kesuma Bangsa di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 1 Mei.

Terdahulu, menteri kewangan itu mengumumkan berita gembira bahawa penjawat awam bakal menikmati kenaikan gaji lebih 13 peratus yang merupakan kadar tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara, mulai 1 Disember depan.



ADENA

Nilai Mengagumkan, Kehidupan Menyerlah.

Berdensiti rendah, hanya 181 unit | Hakmilik Kekal RM 375K semua unit



LA & SPA Yuran Guaman Ditanggung*

7%

Diskaun Bumiputera*



Fasiliti Moden



*Tertakluk kepada terma dan syarat. Gambar Artis



WCT
BUILDING VALUES

Pemaju:
Gabungan Efektif Sdn Bhd (200201022596 / 590259-A)
(AHLI KUMPULAN WCT HOLDINGS BERHAD)
No. 63, Lorong Batu Nilam 1A, Bandar Bukit Tinggi,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
www.wctland.com.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi
03-27877958

No. Lesen Pemaju: 9810/09-2027/1011R • Tempoh: 14/09/2022 - 13/09/2027 • No. Permit Kiri: 9810-02/07-2025/0091 (M) (S) • Tempoh: 21/10/2022 - 20/10/2025 • Pihak Berkuasa Pelancongan: Majlis Perbandaran Klang • Kaedah Pelancongan: 000-471/01/2022/020
• Bilangan Tanah: Tiga • Pelancongan: Perumahan • Bilangan Unit: 181 Unit • Bilangan Bangunan: Dua • Tahun: 2025 • Harga Jual: RM 375,000 • Tempat: Lepak Kiri • 1 Unit 2 Petak • Sekitar: Koperasi • Tiga • Jenis: Hartanah • Pangsapuri • Perumahan • Segala gambar dan lukisan yang terkandung di sini adalah berdasarkan pelukis sahaja. Pihak pengaju berhak mengubah-ubah mana-mana bahagian bangunan sebelum binaan disai seperti yang ditunjukkan oleh pihak berkuasa. Segala maklumat yang terkandung dalam iklan ini adalah tertakluk pada perubahan dan tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada tawaran atau kontrak. IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

Jilid pertama terjual 3,000 naskhah

Terjemahan kitab al-Ghazali siap 2026

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

SHAH ALAM - Terjemahan karya kitab Ihya Ulumuddin dalam bahasa Melayu yang dijalankan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) dijangka selesai pada 2026, kata pengarah eksekutifnya.

Farhan Affandi menjelaskan karya tulisan Imam al-Ghazali itu terbahagi kepada 20 jilid merangkumi empat rubu' (bab) dan kini memasuki jilid kelima untuk diterjemah.

"Sambutan diterima bagi terjemahan karya Ihya Ulumuddin amat menggalakkan dengan 3,000 naskhah terjual bagi jilid pertama dan kini sedang memasuki cetakan ketiga," katanya pada 24 April.

Beliau memaklumkan IBDE menumpukan terjemahan karya terbesar

berkenaan yang menjadi rujukan sepanjang zaman oleh umat Islam di Malaysia termasuk menubuhkan kumpulan khas.

Menurut Farhan, sebanyak tiga penterjemah berkhidmat sepenuh masa ketika ini selain terdapat tiga panel penilai mengikut kepakaran masing-masing berserta seorang penyunting.

"Menerusi komitmen ini, karya Ihya Ulumuddin yang mula diterjemah dalam bahasa Melayu sejak tahun lalu akan selesai dalam tempoh ditetapkan," katanya.

Mengulas program talaqqi, beliau berkata ulama terkemuka Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni akan mengupas karya Ihya Ulumuddin mengikut jilid untuk panduan masyarakat.

Program siri Talaqqi Kitab Turath Islami kembali buat tahun kedua se-

bagai kesinambungan daripada Festival Turath Islami Selangor yang diadakan Mei tahun lalu.

Program itu dianjurkan untuk memartabat syiar Islam menerusi penganjuran majlis ilmu mendalam yang menampilkan syarahan tokoh ulama antarabangsa.

Program cetusan idea Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berjaya menarik lebih 10,000 peserta termasuk pelajar keagamaan dari Indonesia, Thailand dan Singapura.

Siri tersebut turut dianjurkan bersama Media Selangor Sdn Bhd, Akademi Pemikiran Turath, pejabat Dato' Menteri Besar dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Untuk tahun ini, program berkenaan dianjurkan selama tiga hari pada 24 hingga 26 April di lokasi sama.

Orang Asli sokong calon HARAPAN

HULU SELANGOR - Timbalan Yang di-Perua Dewan Rakyat Datuk Ramli Md Nor yakin seluruh masyarakat Orang Asli bakal memberi undi kepada calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao.

Wakil rakyat Orang Asli pertama di negara ini menegaskan etnik itu setia dan mematuhi saranan pemimpin Barisan Nasional (BN), parti dalam Kerajaan Perpaduan.

"Kalau ikut sejarah, pengundi Orang Asli dengan BN berpisah tiada. Saya mahu masyarakat saya di sini beri undi kepada calon Kerajaan Perpaduan.

"Saya percaya orang saya tidak pernah gagal mengikut kata pemimpin. Kami kelompok yang setia," kata ahli parlimen Cameron Highlands itu di sini.

Ramli mengiringi Sock Tao dalam program ramah mesra bersama masyarakat Orang Asli di Kampung Tun Abdul Razak di Kuala Kubu Bharu sini pada 30 April.

Beliau berharap 1,279 pengundi Orang Asli yang mendiami tujuh kampung di Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu (KKB) menunaikan tanggungjawab pada 11 Mei.

"Saya harap suku kaum Temuan di KKB ini jangan sesekali lupa kesetiaan kita. Pangkah calon Kerajaan Perpaduan kerana kita adalah kawan," katanya.



KENYATAAN TENDER

BAGI KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DI SELURUH KAWASAN DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK)

KDEB Waste Management Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor secara holistik. Justeru, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. mempelawa kontraktor - kontraktor yang masih sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM Kod Bidang - 221002 dan 221003) dan UPEN Negeri Selangor Darul Ehsan untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja - kerja berikut:-

Bil.	Butiran Nombor Tender & Nama Tender	Tarikh mula kerja	Harga dokumen bagi setiap set	Tempoh jualan dokumen	Tarikh tutup
59	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 59 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Perumahan Dan Kawasan Perniagaan Taman Sri Andalas Termasuk Keseluruhan Jalan Sri Damak, Jalan Sri Banang 9-16, Jalan Tun Dr Ismail, Gerai MBDK Taman Sri Andalas Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)	1 Jun 2024	RM 216.00 (Termasuk 8% SST)	02 Mei 2024, Jam 9.00 pagi hingga 03 Mei 2024, jam 5.00 petang	10 Mei 2024 (Sebelum jam 5.00 petang)
60	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 60 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Kawasan Perumahan Dan Kawasan Komersial Taman Seri Andalas Termasuk Keseluruhan Jalan Seri Sarawak, Kawasan Perumahan Taman Klang Jaya Termasuk Keseluruhan Jalan Serunai Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
61	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 61 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Perumahan Dan Kawasan Komersial Taman Seri Andalas Termasuk Keseluruhan Jalan Seri Mering, Kawasan Perumahan Dan Kawasan Komersial Taman Desa Utama Termasuk Jalan Serunai 1, 12-16, 59, Taman Klang Jaya Jalan Seruling, Taman Desawan Termasuk Jalan Gambus 11 - 16, 18 Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
62	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 62 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Perumahan Dan Kawasan Komersial Di Taman Klang Jaya Termasuk Jalan Selampit Dan Jalan Seruling 30-59, Kawasan Strata, Taman Desawan Termasuk Jalan Gambus 1-10 Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
63	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 63 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Taman Mujur, Taman Klang Ria, Taman Teknik Dan Taman Ria, Jalan Haji Abdul Karim 29K/2 Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
64	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 64 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Perumahan Dan Pusat Komersial Taman Sentosa Termasuk Jalan Dato Yusof Shahbudin, Jalan Dato Dagang 1 - 20, Jalan Dato Abdul Hamid 1-17, Kawasan Strata Jalan Dato Yusof Shahbudin 3 Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
65	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 65 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Strata Taman Sentosa, Taman Mellinium, Taman Wangsa 2, Taman Dynasty Termasuk KeKeseluruhan Jalan Hulubalang, Kawasan Perumahan Dan Kawasan Komersial Di Bandar Putera, Taman Camelia, Taman Bayan, Taman Ester Dan Termasuk Keseluruhan Jalan Sri Gambut, Jalan Kebun Nenas, Kawasan Strata Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
66	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 66 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Taman Sentosa, Taman Evergreen, Taman Sejahtera Bahagia, Taman Amerton Links, Taman Indah, Taman Sentosa Perdana 2, Taman Mewah Jaya 3 Dan Taman Desa Bayu Mas, Kawasan Strata Termasuk Keseluruhan Jalan Temenggung, Jalan Bendahara, Jalan Laksamana Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
67	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 67 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Taman Sentosa, Taman Sri Sentosa, Taman Fasa 19, Kawasan Perumahan Dan Kawasan Komersial Termasuk Jalan Dato Dagang 21-51, Solok Dato Abdul Hamid 16 - Jalan Dato Abdul Hamid 65, Lorong Dato Dagang 52A/KS7 - 52F/KS7, Lorong Dato Dagang 51A/KS07 Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
68	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 68 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Di Taman Raja Nong, Taman Alam Nyata, Taman Bunga Raya (Lorong Raja Nong 3-6 & 11), Jalan Raja Nong 9A-9C & Jalan Raja Nong 2, Taman Yakin, Taman Desa Indah, Taman Saujana Jati, Taman Menara Maju, Taman Mewah Jaya 4, Taman Saujana, Taman Seri Angkasa Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
69	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 69 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Perumahan Dan Rumah Kedai Di Taman Emas, Taman Mesra (Fasa 8 Dan Fasa 2), Taman Kandi Permai, Taman Klang Indah 1 Dan 2, Jalan Samarinda 26/KS7, Taman Mesra, Taman Telok Mengon, Taman Maznah Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
70	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 70 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Sebahagian Kawasan Kampung Jawa, Taman Sri Sentosa Jaya, Taman Mewah Baru, Taman Sejati 5, Taman Bunga Raya 2, Taman Saga, Taman Mesra Fasa 1, Taman Bijaya, Kawasan Kedai, Kedai Strata Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
71	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 71 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Sebahagian Kawasan Kampung Jawa, Taman Nakhoda Yusuf, Taman Shahbandar, Taman Bukit Jati, Taman Alam Shah 1 & 2, Taman Kota Raja, Taman Seri Mewah, Karya Residensi, Taman Talipok, Kawasan Kampung Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)	1 Jun 2024	RM 216.00 (Termasuk 8% SST)	02 Mei 2024, Jam 9.00 pagi hingga 03 Mei 2024, jam 5.00 petang	10 Mei 2024 (Sebelum jam 5.00 petang)
72	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 72 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Perumahan Dan Kawasan Kedai Termasuk Jalan Sri Banang 1 - 3, Jalan Sri Tanjung Taman Sri Andalas, Taman Raja Jumaat, Sri Istana, Jalan Raja Jumaat, Istana Hill, Kawasan Kampung Jalan Uganda, Kota Raja 4, 6, 8 Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
73	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 73 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Pusat Bandar Klang Selatan, Jalan Raya Timur, Lintang Dato Hamzah, Lorong Langat, Lorong Istana, Lorong Telipok 1, Gerai MBDK Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
74	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 74 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Taman Telok Pulau (Jalan Emas, Jalan Gangsa, Jalan Besti, Jalan Loyang, Jalan Tembaga, Jalan Melawis, Jalan Tanjung, Jalan Matahari Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
75	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 75 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Taman Gembira Termasuk Jalan Dato Dollah, Jalan Mengkuang, Jalan Mastika, Jalan Pokok Sakat, Jalan Jambu, Jalan Ciku, Jalan Mangga, Jalan Mata Kucing, Jalan Rambutan, Jalan Durian, Jalan Jangus, Jalan Mempelam, Jalan Duku, Taman Setia Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
76	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 76 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Perumahan Dan Rumah Kedai Taman Gembira, Taman Teluk Pulau Termasuk Jalan Serampang, Jalan Turki, Jalan Hilir, Jalan Zamrud, Jalan Butang, Jalan Sg Bertik Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
77	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 77 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Perumahan Dan Rumah Kedai Di Taman Wangi, Kota Jaya, Taman Kota Termasuk Jalan Sepat, Jalan Sembilang, Lorong Selar, Solok Sungai, Jalan Tepi Sungai, Jalan Lima Kasturi, Jalan Cermai Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
78	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 78 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Keseluruhan Kawasan Jalan Sungai Udang, Jalan Yadi, Jalan Selamat, Jalan Hassan, Jalan Bawal, Jalan Telok Gadung Kecil, Taman Udang Kara Indah, Taman Udang Kertas, Taman Udang KUNing, Taman Udang Putih, Jalan Udang Cendana 3, Taman Udang Cendana, Kampung Delek, Kampung Sungai Sireh Tambahan, Taman Impian Delek, Taman Melor, Taman Dahlia, Taman Seri Delek, Taman Delek Indah, Taman Sg. Sireh, Taman Firdaus, Kawasan Kedai-Kedai / IKS, Jalan Delek Baru 35/KS3, Kampung Delek, Jalan Delek Kanan 52/KS3, Jalan Delek Kanan 52A/KS3 & Jalan Delek Kanan 52B/KS3, Kawasan Perindustrian Jalan Gerudi Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
79	KDEBWM/MBDK/PPA-01/06/2024: ZON PK 79 Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Longkang, Scupper Drain, Sump Menggunakan Mesin Catch Basin Cleaner Dan HP Jetter Di Keseluruhan Kawasan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK). (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				

Tawaran ini dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian. Pembida perlu melayari laman sesawang "www.kdebwm.com" untuk mendapatkan akses masuk ke dalam Sistem Tender Atas Talian (STAT) dan seterusnya membuat pilihan borang tender mengikut nombor dan nama tender seperti di atas. Pembida perlu menyediakan dan memuatnaik Salinan Sijil Pendaftaran KKM, Salinan SSM, Salinan Resit Pendaftaran Kontraktor Selangor yang masih sah serta dokumen sokongan yang diperlukan dan membuat pembayaran secara atas talian bagi akses muat turun borang tender. Pembayaran perlu dibuat secara atas talian dengan nilai seperti tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan.

Borang tender serta dokumen sokongan yang telah lengkap perlu dimuat naik secara atas talian pada STAT sebelum atau pada tarikh tutup dan masa yang ditetapkan bagi mengelakkan tawaran tender anda DITOLAK.

Nota: Sila pastikan semua maklumat syarikat dan dokumen sokongan yang dimuat naik telah dilengkapi dalam Sistem Tender Atas Talian (STAT) melalui laman sesawang "www.kdebwm.com". Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila hubungi talian 0177478731 atau emel: tender@kdebwm.com untuk maklumat berkaitan penjualan tender.

Wakaf RM60,000 untuk arwah suami

SHAH ALAM - Demi kasih terhadap Allahyarham suami, wanita warga emas mewakaf RM60,000 kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

Raja Zaharah Raja Sulaiman, 69, berbuat demikian dengan niat semua pahala mengalir kepada Anwar Mohd Ali yang meninggal dunia lima bulan lalu serta ahli keluarga lain.

"Semoga ibadah wakaf yang dilaksanakan menjadikan jariah pahala yang berpanjangan sehingga yaumulakhirah," menurut PWS di Facebook pada 24 April.

Wakil PWS diketuai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya Anuar Hamzah Tohar mengunjungi kediaman Raja Zaharah dan menyampaikan cenderamata penghargaan di Seksyen 13 di sini.

Sumbang RM45,000 untuk kafa integrasi

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan sumbangan wakaf fisabilillah RM45,000 kepada Kafa Integrasi Al Hikmah di Subang Bestari pada 18 April.

Menurut kenyataan PWS menerusi Facebook, sumbangan berkenaan bertujuan menjayakan kerja naik taraf kantin dan pemasangan bumbung di dataran sekolah berkenaan.

"Semoga sumbangan ini memberi manfaat kepada guru dan pelajar dan menjadikan jariah yang mengalir kepada pewakaf-pewakaf yang menyumbang di PWS sehingga yaumulakhirah," katanya.

Serahan cek cura disempurnakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS Anuar Hamzah Tohar kepada Ketua Guru Mohd Nizam Abu pada majlis sambutan Aidilfitri sekolah itu.

Seru amal adab bermasyarakat

SHAH ALAM - Program Selangor Bertadabbur di Masjid Bandar Utama Batang Kali, Hulu Selangor menghuraikan surah al-Hujurat yang disampaikan ustaz Mohamad Razif Ibrahim Muniandy.

Menurut sukarelawan Team Selangor, huraian surah berkenaan pada 26 April mengajak seluruh umat Islam memahami adab bermasyarakat.

"Pengisian surah al-Hujurat mendorong kita untuk memahami adab bermasyarakat yang boleh kita aplikasi dalam kehidupan sekarang.

"Semoga para jemaah yang hadir pada kali ini dapat menghayati dan mendalami mesej dari ayat-ayat Allah," kata kenyataan di Facebook.

Program anjuran Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) yang dicetuskan Dato' Menteri Besar itu kesinambungan daripada Festival Turath Islami Selangor pada Mei lalu.

Kemudahan transit di 12 pustaka

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) akan melancarkan kemudahan transit kepada pelajar membabitkan 12 pustaka terpilih di seluruh negeri, EXCO Belia Najwan Halimi.

Katanya, Perpustakaan Mesra Transit itu yang dijangka beroperasi Mei menyediakan kelengkapan antaranya bilik air lengkap pancuran air, kafe atau pantri, tempat solat dan ru-

ang rehat.

"Kita mahu sediakan persekitaran selamat kepada anak-anak terutama semasa peralihan sesi persekolahan murid dan setelah habis sesi persekolahan bagi pelajar menengah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program Jom Baca Bersama 10 Minit di Perpustakaan Raja Tun Uda di sini pada 23 April.

Penerangan jelas, mendalam

Tutup niaga ikuti pengajian turath

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Siri program Talaqqi Kitab Turath Islami anjuran Kerajaan Selangor yang membawa tokoh ulama terkenal dari Pattani Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni mendapat pujian ramai.

Pesara Ahmad Tarmizi Abdul Latif, 64, mengakui sering mengikuti pengajian Baba Ismail, yang dianggapnya mutiara ilmu, di serata negeri berikutan penerangan jelas dan isinya mendalam.

"Saya ikuti beliau (Baba Ismail) sejak beberapa tahun lalu, sanggup ke Kelantan, Terengganu dan Kedah. Apabila Selangor anjur program ini tahun lalu, saya bersyukur. Harap diteruskan.

"Turath ini benteng umat Islam dan jika tidak diamal, kita akan lemah terutama akidah," katanya ketika ditemui di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 24 April.

Amir Rosly, 31, pula sanggup menutup perniagaannya semata-mata tidak mahu terlepas peluang mengikuti program turath yang diadakan dalam dua sesi itu.

"Saya pernah ikuti kelas pembelajaran bersama Baba Ismail pada 2016. Sejak itu, saya tertarik kerana penerangan diberi mudah serta mudah diamal," katanya.

Pelajar Universiti Selangor (Unisel) Zulaikha Abdullah, 21, mengikuti program berkenaan setelah mengetahui

kehadiran Baba Ismail melalui media sosial baru-baru ini.

"Apabila mengetahui kehadiran tokoh ini, saya tidak lepaskan peluang dan kebetulan ada masa terluang. Bagi saya, penting umat Islam ada ilmu agama selain pencapaian akademik," katanya.

Program anjuran Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) yang dicetuskan Dato' Menteri Besar itu kesinambungan daripada Festival Turath Islami Selangor pada Mei lalu.

Festival tersebut diadakan mulai tahun lalu demi memartabat syiar Islam menerusi penganjuran majlis ilmu yang menampilkan syarahan tokoh ulama antarabangsa.

Sombong miliki ilmu tanda jahil

SHAH ALAM - Seseorang yang menuntut ilmu diingatkan supaya tidak sombong berikutan pengetahuan bukan milik penuh manusia, sebaliknya pinjaman Allah SWT.

Menurut tokoh ulama terkenal Pattani Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni, seseorang yang berasa pandai atas ilmu dimiliki dan 'alim' kerana banyak beribadah antara tanda orang jahil.

"Ilmu adalah rezeki dan pemberian Allah yang meletakkan usaha mempe-

lajarinya di tempat penting.

"Kadang-kadang kita usaha sedikit tetapi dibuat dengan niat dan hati bersih, maka hasil menuntut ilmu itu menjadi banyak," katanya dalam program Siri Talaqqi Kitab Turath Islami.

Kupasan berkenaan sebahagian sesi telaah kitab Ihya Ulumuddin karangan Hujatul Islam Imam al-Ghazali di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 26 April.

Program kendalian Inisiatif Buku

Darul Ehsan kesinambungan Festival Turath Islami Selangor pada Mei tahun lalu untuk memartabat syiar Islam menerusi penganjuran majlis ilmu.

Majlis tersebut cetusan idea Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berjaya menggamit lebih 10,000 peserta termasuk pelajar keagamaan dari Indonesia, Thailand dan Singapura.

Siri berkenaan diadakan dengan kerjasama Media Selangor Sdn Bhd, Akademi Pemikiran Turath, Pejabat Dato' Menteri Besar dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Kejohanan golf amal Yide 12 Mei

SHAH ALAM - Peminat sukan golf dipelawa untuk menyertai Kejohanan Golf Amal Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) di Kelab Golf Seri Selangor, Petaling Jaya pada 12 Mei.

Pertandingan yang memasuki tahun ke-10 bertujuan mengumpul

dana bagi menyiapkan pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah.

"Anggaran kos keseluruhan pembangunan adalah RM17 juta dengan sumbangan terkumpul RM9.6 juta. Manakala baki dana yang diperlukan

adalah RM7.4 juta," menurut kenyataan Yide di Facebook pada 26 April.

Pendaftaran masih dibuka sehingga 5 Mei manakala yuran penyertaan RM1,250 dikenakan kepada seorang peserta manakala RM5,000 bagi 'satu flight'.

Pasang penghadang elak ceroboh

Pembinaan semula stadium ikut jadual

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Proses pembinaan semula Stadium Shah Alam berjalan lancar dan dijangka siap pada hujung 2026 seperti yang dijadual, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu bangunan lama akan diroboh tidak lama lagi manakala penghadang dipasang sekeliling kawasan bagi mengelak pencerobohan.

"Proses berjalan mengikut landasan. Sekarang kita akan memenuhi keperluan yang diwajibkan Majlis Bandaraya Shah Alam sebelum meroboh sebab tidak mahu mengganggu kejiranan sekeliling.

"MRCB (pemaju) akan keluarkan tender perobohan dalam masa terdekat. Minggu lepas, saya dimaklumkan kita boleh siapkan stadium

hujung 2026 dan boleh digunakan selepas itu," katanya.

Beliau ditemui ketika menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri agensi bawah kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah di sini pada 29 April.

Pada Februari, pengurus besar unit projek khas Menteri Besar Selangor (Permerbadanan) atau MBI memaklumkan pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam melibatkan tiga fasa dijangka siap sepenuhnya menjelang 2029.

Datuk Ir Ruslan Abdul Aziz berkata fasa pertama membabitkan proses meroboh dan membina semula stadium yang dijangka selesai Mac tahun depan, seterusnya pembangunan termasuk ruang niaga dan parkir siap 2026.

Fasa kedua mulai Januari 2027 membabitkan teater tertutup, sayap sukan dan belia serta kawasan rekrea-

si. Fasa terakhir, pembinaan terminal bersepadu dan hotel Januari 2028 hingga Disember 2029.

Kompleks dengan kos anggaran RM787 juta itu menggantikan kompleks sedia ada yang menyaksikan Stadium Shah Alam asal disiapkan pada Julai 1994 dengan kos RM480 juta.

Stadium itu adalah gelanggang rasmi Selangor sejak 16 Julai 1994 dan mempunyai kapasiti 80,372 penonton.

Pada 2020, Liga Bolasepak Malaysia mengumumkan stadium usang itu mungkin dihalang daripada menganjurkan perlawanan Liga Super atas faktor keselamatan kerana bumbung polikarbonat dan padang stadium berada dalam keadaan daif.

Akhirnya pada 15 Julai 2022, Kerajaan Negeri memaklumkan MRCB dilantik untuk membangunkan semula stadium itu dan kawasan sekitarnya.

Majlis raya agensi Raja Muda meriah

SHAH ALAM - Hampir 1,000 tetamu memeriahkan sambutan rumah terbuka Aidilfitri agensi bawah kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah pada 29 April.

Majlis di Dewan Banquet MBSA itu turut dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, EXCO Sukan Najwan Halimi, Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia Datuk Hamidin Mohd Amin serta Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC Dr Johan Kamal Hamidon.

Ketua pegawai eksekutif Selangor Youth Community (SAY) berkata majlis itu merupakan acara tahunan pihaknya bersama Selangor FC, Persatuan Bola Sepak Selangor serta Yayasan Raja Muda Selangor.

"Kita jemput lebih 900 tetamu terdiri penaja utama, pemain, wakil agensi, pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan serta pihak yang selalu berurusan.

"Semua agensi bawah kepimpinan Tengku Amir Shah sentiasa bekerjasama menjayakan sebarang aktiviti terutama berkaitan kebajikan masyarakat," kata Aiman Syafiq Nazri kepada SelangorKini.

Dalam majlis berkenaan Raja Muda Selangor yang mengenakan sepersalinan baju Melayu lengkap bersamping turut meluangkan masa beramah mesra dengan tetamu.

Khas Untuk Bumiputera

UNIT
TERHAD

Loop Residences

Harga daripada :
RM 330,000*

Keys, Lakeside Residences

Harga daripada :
RM 2,500,000*

Kedai Pejabat 2 tingkat Saujana Utama

Harga daripada :
RM 1,123,530*

Kedai Pejabat 2 tingkat Lakeside Boulevard 2

Harga daripada :
RM 1,875,000*

*Tertakluk terma & syarat

03-2727 7552

Ibu Pejabat Glomac:
Tingkat 1, Menara Glomac, Glomac Damansara, Jalan Damansara,
60000 Kuala Lumpur
Isnin - Jumaat: 9pagi - 6petang | Sabtu & Ahad: 10pagi - 6petang

Glomac Berhad
 glomac_berhad
 Glomac Berhad
 www.glomac.com.my

MAWAR SHOPPING COMPLEX

BANGUNAN SIAP DIBINA - KEDAI / PEJABAT

Keluasan dari 54 sq. metre hingga 200 sq. metre

Harga Dari RM31,000.00 - RM117,000.00

BUMIPUTERA DISKAUN 10%

Siap dengan CF
Gambaran merupakan karya pelukis semata-mata

Mawar Shopping Complex

Jalan TK 5/2, Taman Mawar, 13km Jalan Puchong, 47100 Puchong, Selangor.

TEL : 03-7957 3988 (Ms Chan)

Pemaju :
LEH CONSTRUCTION SDN BHD 198301010901 (106219-P)
No. 16, Jalan 17/54, 46400 Petaling Jaya, Selangor.

Pemaju: Glomac Al Baita Sdn Bhd (743875-X) | Alamat Pemaju: Level 15, Menara Glomac Damansara, 4 Damansara, 60000 Kuala Lumpur | No. Lesen: 30557/09-2028/0234(N) | Tempoh Sah: 07/09/2023 hingga 07/09/2028 | No. Permit: Hkan & Jual: 30557-1/2-2025/1300 (N-3) | Tempoh Sah: 07/02/2024 - 07/02/2028 | Pihak Berkuasa Yang Memulakan: Majlis Bandaraya Selangor Jaya | No. Rujukan Plan Bangunan: MBSJ/2024/PA/000-1/70/51/41/20 | Bebanan Tanah: Dicagahkan kepada Maybank Mamuk Berhad | Hak Milik: Tanah: Pajakan 99 Tahun | Tanah: Hak Milik: Tempoh: 28 Mac 2011 | Seksyen Tanah: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau dipagawatkan melainkan setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan. | Jumlah unit: 380 unit (DCHO: 02 unit, Pengasap Perkhidmatan Pemegang: 170 unit, SOHO Mampu Milik: 199 unit, Pengasap Perkhidmatan Pemegang Mampu Milik: 19 unit) | Tarikh: hingga 31 Januari 2028 | Harga Jual: SOHO (RM308,000) (min) - RM 37,829 (maks), Pengasap Servis (RM409,286) (min) - RM62,317 (maks), SOHO Mampu Milik (RM230,000), Pengasap Mampu Milik (RM270,000) | Bumiputera Diskaun: 7% | Pemaju: Glomac Alliance Sdn Bhd (622584-C4) | No. Projek: Awa 15, Menara Glomac, Glomac Damansara, Jalan Damansara 60000 Kuala Lumpur, Pejabat: Saujana Lakeside Residences Saksu Gallery, Jalan Perindustrian Puchong, Bandar Metro Puchong 47100 Puchong, Selangor. | Tel: 03-2727 7552, No. Lesen: 9903/02-2026/1202(R), Tempoh sah: 14/02/2026 hingga 14/02/2028, No. Permit: Hkan & Jual: 9903-10/03-2026/02043(N)-LL, Tempoh sah: 14/03/2024 hingga 13/03/2026, Pihak Berkuasa yang Memulakan: Majlis Bandaraya Selangor Jaya, No. Rujukan Plan Bangunan: MBSJ/2024/PA/000-1/70/51/41/20/21 | Bebanan Tanah: Tanah, Hak Milik: Pajakan 99 tahun (01/04/2017) | Seksyen Tanah: Tanah ini tidak boleh dipajak, dipajak, dipajak atau dipagawatkan melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Jumlah unit: 42 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat, Tarikh: hingga 31 April 2025 | Harga Jual: RM2,000,000 (min) RM2,850,000 (maks), Bumiputera diskau: 7%
KILANGAN TELAH DELUKSIKAN GLEJN ASBATAN PERUMAHAN NEGARA.




DATO' NG SUEE LIM Sekinchan

menyapa dan beramah mesra dengan peniaga Kampung Gurney, Hulu Selangor

DATUK RIZAM ISMAIL Sungai Air Tawar

menyampaikan sumbangan kepada Masjid Ar Rahmaniah di pejabat DUN beliau



AZMIZAM ZAMAN HURI Pelabuhan Klang

ceria bergambar pada program di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang, Klang

ABBAS AZMI Seri Serdang

bergotong royong dengan penduduk di Taman Seri Serdang, Seri Kembangan



CHEONG KIAN YOUNG Kajang

berbincang dengan jawatankuasa kempen di bilik gerakan Bandar Baru Batang Kali, Hulu Selangor

ONG CHUN WEI Balakong

memantau Persiaran Damai Perdana, Seri Kembangan yang diadu sesak



PUA PEI LING Bukit Lanjan

menghadiri rumah terbuka Surau Khalifah Umar Abdul Aziz di Petaling Jaya

DANIAL AL-RASHID Batu Tiga

menyampaikan sumbangan kepada Kelab Silambam di Ken Rimba, Shah Alam



Pastikan pelajar selesa

RM45,000 baik pulih prasarana sekolah

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

HULU SELANGOR - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk RM45,000 bagi menambah baik prasarana sembilan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sekitar daerah ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dana RM5,000 setiap sekolah membantu kerja menambah baik kualiti premis sekali gus mewujudkan

kan persekitaran selesa untuk belajar.

"Program ini tiap-tiap tahun kita laksanakan. Ini bagi meningkatkan keupayaan sekolah kerana pendidikan terbaik adalah satu perkara yang amat kita titik berat.

"Sejak 2008 hingga kini, kita memastikan semua rakyat yang tinggal dalam negara dan Selangor mendapat peluang sama adil dan ada peluang untuk memajukan diri kita bersama-sama," katanya.

Beliau merasmikan program Penye-

rahan Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah dan Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Selangor di Batang Kali di sini pada 25 April.

Sekolah terlibat adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Batang Kali, SJKT Ladang Changkat Asa, SJKT Ladang Escot dan SJKT Ladang Kuala Kubu Bharu.

Selain itu, SJKT Ladang Kerling, SJKT Ladang Kalumpang, SJKT Ladang Lima Belas, SJKT Ladang Sungai Choh dan SJKT Ladang Bukit Beruntung.

Guru Penolong Kanan Pentadbiran SJKT Ladang Kalumpang S Velan berkata dana itu untuk membaiki longkang dan laluan pelajar yang rosak dan membahayakan keselamatan terutama ketika hujan.

"Sudah pasti peruntukan ini membantu untuk kami baik pulih kemudahan yang mendesak untuk keselamatan kira-kira 80 pelajar sekolah ini," katanya.

Amirudin turut menyampaikan baucar subsidi tambang bas sekolah kepada 324 pelajar SJKT sebanyak RM97,200.

Skuter elektrik tingkat kawalan keselamatan

SEPANG - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyumbang empat unit kenderaan mikromobiliti e-skuter bernilai lebih RM55,000 kepada polis Selangor.

Skuter elektrik itu akan digunakan pihak berkuasa di terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan di pintu masuk negara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sumbangan dua unit di KLIA dan dua lagi di KLIA2 dapat meningkatkan kepercayaan awam terhadap tahap keselamatan lapangan terbang.

"Ia dapat meluaskan lagi capaian ke- luasan kawalan dengan tindakan pencegahan lebih pantas apabila sesuatu laporan diterima," katanya selepas penyerahan di KLIA di sini pada 24 April.

Beliau juga memberitahu terminal KLIA dan KLIA2 menerima purata bilangan pengunjung harian 250,000 orang sehari atau kira-kira 60 juta pelawat dalam masa setahun.

"Kenderaan mikromobiliti mempunyai spesifikasi yang biasa digunakan di lapangan terbang awam di negara lain untuk kawalan keselamatan.

"MBI juga bersedia menambah kemudahan ini bergantung kepada permin-

taan. Ini sebenarnya bukan pertama kali (MBI berbelanja untuk kawalan keselamatan).

"Sebelum ini, kita berbelanja RM2 juta

ketika Perintah Kawalan Pergerakan untuk (taja) basikal elektrik bagi membantu pasukan brigid tengah dalam kawalan Ops Benteng," katanya.

Pupuk kesedaran bahaya dadah

GOMBAK - Lebih 100 anak muda sekitar Kuala Kubu Bharu dibawa menonton filem Sheriff: Narko Integriti di pusat beli-belah Aeon Rawang di sini pada 26 April.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri Batang Kali Saifuddin Shafi Muhammad berkata program santai itu bertujuan mendekati anak muda bagi memberi kesedaran perihal bahaya penyalahgunaan dadah.

Beliau memberitahu program berkenaan mendapat kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia (Pemadam).

"Sekali-sekala kena ada program tidak formal, lebih santai seperti menonton wayang kerana lebih menarik minat anak muda selain boleh ambil

pengajaran dalam filem ini," katanya.

"Pelbagai program mendekati anak muda dengan kerjasama AADK dan Pemadam akan diteruskan lagi pada masa akan datang."



Filem itu mengisahkan anggota polis dari Jabatan Integriti iaitu Sheriff bergandingan dengan Nazri, seorang anggota polis muda dari Jabatan Narkotik, untuk menumpaskan sindiket dadah.

Selebriti yang membintangi naskhah berkenaan antaranya Zul Ariffin, Syafiq Kyle, Dato' Aaron Aziz, Azira Shafinaz dan Elizabeth Tan.

Membawa tema 'polis tangkap polis', karya terbitan dua syarikat gergasi Skop Productions dan Astro Shaw meraih kutipan RM22.1 juta selepas tujuh hari tayangan mulai 18 April.



LANDASAN LUMAYAN SDN BHD (989368-H)

NOTIS REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)

CONSULTANCY SERVICES FOR PREPARING DETAIL DESIGN, BILLS OF QUANTITY AND TENDER DOCUMENT FOR SAFE CLOSURE OF TELOK KAPAS EX-LANDFILL.

NO. RFQ: LLSB/SMG/SPI/RFQ-TK/24-01

LANDASAN LUMAYAN SDN BHD ("LLSB") merupakan anak syarikat di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai Pemaju Induk untuk melaksanakan program pemuliharaan Sungai Klang di bawah projek yang dikenali sebagai Selangor Maritime Gateway ("SMG"). Menerusi mandat yang diberikan, LLSB telah mengenalpasti bekas tapak pemulihan sampah seluas 90 ekar (Telok Kapas Landfill) yang perlu dibuat penutupan selamat (Safe Closure) bagi mengelak pencemaran larut resapan dan gas metana.

Syarikat yang berminat perlu memenuhi syarat-syarat wajib berikut:

- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) di bawah **Kod 330000 - Perkhidmatan Perunding Fizikal**;
- Tempoh pendaftaran dengan MOF masih sah laku sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tender diiklankan/surat dipelawa selaras dengan (PK 3.3 Perkara 2.1.1);

Pembelian dokumen RFQ boleh dilakukan dari **2hb Mei 2024 (Khamis)** sehingga **9hb Mei 2024 (Khamis)** di:

LOKASI	MASA	HARGA & KAEDAH PEMBAYARAN
LANDASAN LUMAYAN SDN BHD Level 18, Wisma Ehsan, BSN, Cawangan Utama Negeri Selangor, Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	Isnin hingga Khamis 9.00 pg - 12.30 tgh dan 2.30 ptg - 4.30 ptg Jumaat 9.00 pg - 12.00 tgh dan 3.00 ptg - 4.30 ptg	Harga jualan dokumen RFQ: RM100.00 Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Bank Draf di atas nama Landasan Lumayan Sdn Bhd atau bayaran atas talian di Akaun Bank CIMB Bank Berhad , Nombor Akaun 8008731874 , Nama Pemegang Akaun Landasan Lumayan Sdn Bhd . Bayaran tidak akan dikembalikan.

Nota:

- Dokumen RFQ dan Proposal yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan bertanda tajuk serta nombor RFQ dan dihantar ke Landasan Lumayan Sdn Bhd tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **23hb Mei 2024 (Khamis)**.
- Sebarang permintaan berkenaan dokumen RFQ sebelum dan selepas tarikh dan masa di atas **TIDAK AKAN** dilayan.
- Sebarang pertanyaan sila hubungi Landasan Lumayan Sdn Bhd di talian 03-8966 2510 atau emel smginfo@mbiselangor.com.my.

Tunku Abdul Rahman jadi idola

Himpunan Bersih, aktiviti debat cetus minat politik Sock Tao

9



Bela guru agama, pendidikan Islam

RM100 juta dibelanjakan untuk sekolah agama, Kafa

14



Sumbangan ringankan beban rakyat

Lebih lapan juta rakyat pendapatan rendah dapat tunai sehingga RM500

16



selangorkini



Cerpen, puisi & esei
HADIAH SASTERA SELANGOR 2024
terbit setiap Sabtu dan Ahad di portal selangorkini.my

Kakitangan awam terima peningkatan tertinggi

Gaji naik lebih 13 peratus

SHAH ALAM - Gaji penjawat awam di seluruh negara naik lebih 13 peratus mulai Disember, peningkatan tertinggi dalam sejarah negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengumumkan demikian sempena Hari Pekerja, beliau yang juga menteri kewangan menjelaskan kenaikan tersebut melibatkan peruntukan lebih RM10 bilion, lapor Bernama.

"Kenaikan lebih tinggi daripada 13 peratus. Kenaikan terbaik dalam sejarah oleh Kerajaan Madani," katanya dalam sambutan hari berkenaan peringkat kebangsaan di Putrajaya pada 1 Mei.

Anwar berkata kerajaan juga mahu meningkatkan kadar gaji bagi memastikan pendapatan minimum penjawat awam lebih RM2,000 sebulan bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang sedang diperinci.

"Pada masa ini, jumlah pendapatan minimum, meliputi gaji dan elaun tetap penjawat awam sedia ada adalah RM1,795 sebulan," katanya.

Tahun lalu, beliau mengarahkan semakan menyeluruh SSPA berikutan dasar kerajaan menyebut penyesuaian gaji kakitangan awam perlu dibuat setiap 10 tahun tetapi tidak dijalankan pentadbiran sebelum ini hampir 12 tahun.

Kali terakhir kadar gaji kelompok tersebut dinaikkan pada 2013 membabitkan pemberian satu kenaikan gaji tahunan antara RM80 hingga RM320.



MESRA... Calon Kerajaan Perpaduan, Pang Sock Tao, bertegur sapa dengan tetamu Jamuan Raya Belia Ampang Pecah, Hulu Selangor pada 28 April. Foto Facebook Xiao Tao ▶ **BERITA MUKA 6**

Pilihan raya kecil Kuala Kubu Baharu

PILIHAN ANDA PILIHAN TERBAIK



demi kemajuan ekonomi
demi perpaduan rakyat
demi kesejahteraan bersama

